 - demolition, structural alteration or structural repair.
 - defective design or inadequate construction of foundations.
- (d) in respect of each and every loss, 5% of the total Sum Covered or RM25,000 whichever is the lower, as ascertained after the application of any condition of average.

Provided that the total liability of the Takaful Operator shall not exceed the Sum Covered by each item on the property covered less the amount excluded under (d) above.

Provided always that all the conditions of the Certificate (except in so far as they may be hereby expressly varied) shall apply as if they had been incorporated herein and for the purpose hereof any loss or damage as aforesaid shall be deemed to be loss or damage by fire.

Subject otherwise to the terms and conditions of the Certificate.

FP511A SPONTANEOUS COMBUSTION ENDORSEMENT – BY FIRE ONLY

In consideration of an additional contribution by the Participant to the Takaful Operator , it is hereby agreed and declared that the Takaful under this Certificate shall, subject to the Special Conditions hereinafter contained, extend to include loss or damage to the property covered by fire only caused by its own spontaneous fermentation, heating or combustion.

Provided always that all the conditions of the Certificate shall apply as if they had been incorporated herein and for the purpose hereof any loss or damage as aforesaid shall be deemed to be loss or damage by fire.

Note: The words "by fire only" may be deleted in respect of takaful on coal.

SPECIAL CONDITIONS

1. The liability of the Takaful Operator shall in no case under this endorsement and the Certificate exceed the Sum Covered by each item of the Certificate.
2. This Takaful does not cover loss of earnings, loss by delay, loss of market or other consequential or indirect loss or damage of any kind or description whatsoever except loss of rent when such loss is included in the Takaful under the Certificate.

Subject otherwise to the terms and conditions of the Certificate.

FP511B SPONTANEOUS COMBUSTION ENDORSEMENT – FULL COVER

In consideration of an additional contribution by the Participant to the Takaful Operator, it is hereby agreed and declared that the Takaful under this Certificate shall, subject to the Special Conditions hereinafter contained extend to include loss or damage to the property covered caused by its own spontaneous fermentation, heating or combustion.

Provided always that all the conditions of the Certificate shall apply as if they had been incorporated herein and for the purpose hereof any loss or damage as aforesaid shall be deemed to be loss or damage by fire.

SPECIAL CONDITIONS

1. The liability of the Takaful Operator shall in no case under this endorsement and the Certificate exceed the Sum Covered by each item of the Certificate.
2. This Takaful does not cover loss of earnings, loss by delay, loss of market or other consequential or indirect loss or damage of any kind or description whatsoever except loss of rent when such loss is included in the cover under the Certificate.

Subject otherwise to the terms and conditions of the Certificate.

FP512A RIOT STRIKE AND MALICIOUS DAMAGE – RESIDENTIAL PROPERTIES**FP512B RIOT STRIKE AND MALICIOUS DAMAGE – OTHER THAN RESIDENTIAL PROPERTIES**

In consideration of an additional contribution, the Takaful Operator hereby agree and declare that the Takaful under this Certificate shall extend to cover Riot and Strike Damage which for the purpose of this Endorsement shall mean (subject to the Special Conditions hereinafter contained):

Loss of or damage to property covered directly caused by:

1. The act of any person taking part together with other in any disturbance of the public peace (whether in connection with a strike or lock-out or not) not being an occurrence mentioned in General Condition No. 4 of the Special Conditions hereof.
2. The action of any lawfully constituted authority in suppressing or attempting to suppress any such disturbance or in minimizing the consequences of any such disturbance.
3. The wilful act of any striker or locked-out worker done in furtherance of a strike or in resistance to a lock-out.

4. The action of any lawfully constituted authority in preventing or attempting to prevent any such act or in minimizing the consequences of any such act.

It is hereby declared further that notwithstanding anything in the written Certificate contained to the contrary, the Takaful under this Certificate shall extend to cover Malicious Damage which for the purpose of this extension shall mean:

Loss of or damage to the property covered directly caused by the malicious act of any person (whether or not such act is committed in the course of a disturbance of the public peace) not being an act amounting to or committed in connection with an occurrence mentioned in Special Condition 6 of the Endorsement but the Takaful Operator shall not be liable under this extension for any loss damage by fire or explosion nor for any loss or damage arising out of or in the course of burglary, housebreaking, theft or larceny or any attempt thereof or caused by any person taking part therein.

SPECIAL CONDITIONS

For the purposes of this Endorsement but not otherwise there shall be substituted for the respectively numbered Conditions of the Certificate the following:

Condition 5

This Takaful does not cover:

- (a) Loss of earnings, loss by delay, loss of market or other consequential or indirect loss or damage of any kind or description whatsoever.
- (b) Loss or damage resulting from total or partial cessation of work or the retarding or interruption or cessation of any process or operation.
- (a) Loss or damage occasioned by permanent or temporary dispossession resulting from confiscation, commandeering or requisition by any lawfully constituted authority.
- (d) Loss or damage occasioned by permanent or temporary dispossession of any building resulting from the unlawful occupation by any person of such building.

PROVIDED nevertheless that the Takaful Operator is not relieved under (c) or (d) above of any liability to the Participant in respect of physical damage to the property covered occurring before dispossession or during temporary dispossession.

Condition 6

This Takaful does not cover any loss or damage occasioned by or through or in consequence, directly or indirectly, of any of the following occurrences, namely:

- (a) War, invasion, act of foreign enemy, hostilities, or warlike operations (whether war be declared or not), civil war.
- (b) Mutiny, civil commotion assuming the proportions of or amounting to a popular rising, military rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power.
- (c) Any act of terrorism.

For this purpose an act of terrorism means an act, including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or group(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organisation(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public, in fear.

In any action, suit or other proceeding, where the Takaful Operator alleges that by reason of the provisions of this Condition any loss or damage is not covered by this Takaful, the burden of proving that such loss or damage is covered shall be upon the Participant.

Condition 8

Unless otherwise expressly stated in the Certificate this Takaful does not cover:

- (a) Goods held in trust or on commission.
- (b) Bullion or unset precious stones.
- (c) Any curiosity or work of art for an amount exceeding RM500
- (d) Manuscripts, plans, drawings or designs, patterns, models or moulds.
- (e) Securities, obligations, or documents of any kind, stamps, coined or paper money, cheques, books or accounts or other business books, or computer systems records.
- (f) Explosives.

Condition 11

This Takaful may at any time be terminated by the Takaful Operator on notice to that effect being given to the Participant, in which case the Takaful Operator shall be liable to return a rateable proportion of the contribution for the unexpired term from the date of cancellation. If the Takaful be terminated at the request of the Participant the Takaful Operator shall not be liable to return the contribution or any part of it except in so far as the Takaful applies to stocks in respect of which the Takaful Operator shall retain a contribution calculated according to its customary short period scale for the time of the said Takaful has been in force.

Condition 20

If the property hereby covered shall at the breaking out of any fire or at the commencement of any destruction or damage to such property by any other peril covered against by this Endorsement be collectively of greater value than the sum covered thereon, then the Participant shall be considered as being covering his own for the difference and shall bear a rateable share of the amount of the loss accordingly. Every item, if more than one, of the Certificate shall be separately subject to this condition.

PROVIDED that it is hereby further expressly agreed and declared that:

1. All the Conditions of this Certificate shall apply in all respects to the Takaful granted by this extension save in so far as the same are expressly varied by the above Special Conditions and any reference to fire in the Conditions of the Certificate shall be deemed to include the perils hereby covered against.
2. The Special Conditions herein shall apply only to the Takaful granted by this extension and the Conditions of the Certificate shall apply in all respects to the Takaful granted by the Certificate as if this Endorsement had not been made thereon.

FP513 DAMAGE BY FALLING TREES OR BRANCHES AND OBJECTS THEREFROM

In consideration of an additional contribution, the Takaful Operator hereby agree and declare that the Takaful under this Certificate shall extend to include loss or damage to the property described in the Schedule and/or to walls, gates and fences around and pertaining thereto directly resulting from damage by falling trees or branches and objects therefrom, provided that the first RM250 of each and every claim under this endorsement shall be borne by the Participant as ascertained after the application of any condition of average.

Provided always that all the conditions of the Certificate shall apply as if they had been incorporated herein and for the purpose hereof any loss or damage as foresaid shall be deemed to be loss or damage by fire.

Subject otherwise to the terms and conditions of the Certificate.

FP514A COLD STORAGE IINCUBATOR CLAUSE (A)

This Certificate does not cover loss or damage to the property hereby covered which may be caused by change of temperature resulting from the total or partial destruction or disablement of the refrigerating plant/incubating plant by fire or any other perils hereby covered.

Subject otherwise to the terms and conditions of the Certificate.

FP514B COLD STORAGE INCUBATOR CLAUSE (B)

Notwithstanding anything herein stated to the contrary, this Certificate covers loss or damage caused by change of temperature resulting from the total or partial destruction or disablement of the refrigerating plant/incubating plant by fire or any other perils hereby covered.

Subject otherwise to the terms and conditions of the Certificate.

FW701 RESTRICTION OF MERCHANDISE WARRANTY

Warranted that during the currency of this Certificate no part of the premises described herein be used for the manufacture or deposit or storage of merchandise.

FW701A RESTRICTION OF MERCHANDISE WARRANTY (Club / School / Office)

Warranted that during the currency of this Certificate no part of the premises described herein be used for the manufacture or deposit or storage of merchandise except in direct relation to the activities of a club, school or office.

FW701B RESTRICTION OF MERCHANDISE WARRANTY (Not exceeding 10% of total floor area)

Warranted that during the currency of this Certificate not more than 10% of the total floor area of the premises covered herein be used for the manufacture or deposit or storage of merchandise.

FW701C RESTRICTION OF MERCHANDISE WARRANTY (Not exceeding 20% of total floor area)

Warranted that during the currency of this Certificate not more than 20% of the total floor area of the premises covered herein be used for the manufacture or deposit or storage of merchandise.

FW701D RESTRICTION OF MERCHANDISE WARRANTY (Not exceeding 50% of total floor area)

Warranted that during the currency of this Certificate not more than 50% of the total floor area of the premises covered herein be used for the manufacture or deposit or storage of merchandise.

FW703A STORAGE OF HAZARDOUS GOODS WARRANTY A

Warranted that during the currency of this Certificate, storage in the premises of the following materials is permitted only up to the limit of quantities stated below, namely:

- | | |
|--|---|
| (i) All liquids including kerosene oil and diesel giving off flammable vapour with flashpoint not less than 93°C (200F) | 3600 liters
(800 gallons) |
| (ii) All liquids including petrol giving off flammable vapour with flashpoint below 38°C (100F) | 900 liters
(200 gallons) |
| (iii) Matches, carbides, liquified petroleum gas (LPG) spontaneously combustion materials such as silane, sulphur, etc. and active materials such as magnesium, sodium, etc. | 30 kg or 4 cases or cartons whichever is higher |

FW703B STORAGE OF HAZARDOUS GOODS WARRANTY B

Warranted that during the currency of this Certificate, the storage of goods and the quantity of the goods stored in or upon the within mentioned premises are in compliance with the Regulations and Laws of Malaysia.

FW704A STORAGE OF PETROL WARRANTY

Warranted that during the currency of this Certificate the storage of petrol be in accordance with the Government Regulations.

FW704B RESTRICTION OF SPRAY PAINTING / POWDER SPRAYING WARRANTY

Warranted that during the currency of this Certificate no spray painting / powder spraying or any process in connection therewith be carried on in the premises described herein.

FW704C PRINTING PROCESS WARRANTY

Warranted that during the currency of this Certificate no printing or any process in connection therewith be carried on in the premises described herein.

DISPUTE RESOLUTION

In the event of any dispute, you may seek arbitration for your case. You may contact :-

- i) **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.
Tel : 603-21096000
Fax : 603-21096888
Email: callcentre@zurich.com.my
Website: www.zurich.com.my
- ii) **Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)**
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Tel : 603-2272 2811 Fax : 603-2272 1577
Email : enquiry@ofs.org.my
Website : www.ofs.org.my
- iii) **Contact Centre (BNMLINK)**
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922,
50929 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
Email : bnmlink@bnm.gov.my
Website : www.bnm.gov.my

ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE WHEN SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO

IMPORTANT

You shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with your wishes, advice should at once be given to us and the Certificate returned for attention.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981 (I260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



Zurich Essential

Sijil Takaful Kebakaran Essential

Bagi Kontrak Takaful Pengguna (Takaful semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Peserta)

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan caruman yang dibuat seperti ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan Peserta akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, hanya remedii yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Peserta dan Pengendali Takaful.

Bagi Kontrak Komersial (Takaful untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Peserta)

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan caruman yang dibuat seperti yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan Peserta akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful Peserta.

Sijil ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Peserta dan Pengendali Takaful.

Sekiranya terdapat baki dalam Dana Takaful Am (**DTA**) yang tidak mencukupi untuk membayar bagi manfaat-manfaat Takaful Anda semasa Tempoh Takaful, Kami akan membuat keseimbangan dalam **DTA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaian Kami. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaian Kami, Kami akan membuat pindahan secara langsung. Anda seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan Anda yang diperolehi daripada **DTA** semasa Tempoh Takaful Anda boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **DTA** (jika ada) kepada Kami.

PENGENDALI TAKAFUL BERSETUJU tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorskan atau selainnya dinyatakan di sini kemudiannya bahawa jika Harta Benda Yang Dilindungi yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut atau mana-mana bahagian daripada harta sedemikian itu musnah atau rosak disebabkan oleh KEBAKARAN atau KILAT dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Peserta telah membuat dan Pengendali Takaful telah menerima caruman yang dikehendaki bagi pembaharuan Sijil ini, Pengendali Takaful akan membayar atau memenuhi bayaran kepada Peserta akan nilai Harta Benda Yang Dilindungi pada masa berlakunya kemasuhan atau atau jumlah sebenar ganti rugi tersebut.

DENGAN SYARAT BAHAWA liabiliti Pengendali Takaful hendaklah dalam apa jua keadaan yang berhubung dengan setiap satu item tidak melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut yang dilindungi atau secara sepenuhnya Jumlah Dilindungi Keseluruhan atau jumlah yang lain yang boleh digantikan secara pengendorsan ke atasnya atau dilampirkan bersamanya yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful.

DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa Peserta hendaklah menuaikan dan mematuhi terma, syarat dan pengendorsan Sijil ini setakat yang berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Pengendali Takaful untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

SYARAT-SYARAT

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Bagi Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Peserta telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi, Peserta mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon takaful ini) iaitu Peserta perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Peserta selaras dengan remedii di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Peserta juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang diketahui Peserta akan mempengaruhi keputusan pihak Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Peserta juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

Bagi Kontrak Takaful Bukan Pengguna

Apabila Peserta telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi, Peserta mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang diketahui Peserta yang akan mempengaruhi keputusan Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Peserta.

Peserta juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. CARUMAN

Tidak ada sebarang pemberian berhubung dengan apa-apa caruman boleh dianggap sebagai caruman kepada pihak Pengendali Takaful kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau Ejen yang dilantik secara sah oleh Pengendali Takaful telah diberikan kepada Peserta.

3. TAKAFUL LAIN

Peserta hendaklah memberi notis kepada Pengendali Takaful mengenai apa-apa Takaful yang telah berkuatkuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuatkuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dengan ini dilindungi. Notis sedemikian hendaklah diberikan dan disahkan oleh Pengendali Takaful di dalam Sijil ini sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan.

4. IDENTIFIKASI/PERUBAHAN

Semua Takaful di bawah Sijil ini

- (1) ke atas mana-mana bangunan atau bahagian mana-mana bangunan,
- (2) ke atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,
- (3) ke atas sewa atau berkenaan subjek Takaful selainnya berhubung dengan atau yang berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,

hendaklah terhenti dengan serta merta apabila runtuh atau berubahnya tempat:

- (a) bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya,
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana deretan bangunan atau mana-mana struktur yang membentuk bangunan tersebut.

DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat itu merupakan keseluruhan atau merupakan sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kebergunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau membiarkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripada bangunan tersebut atau mana-mana harta yang terkandung di dalamnya terdedah kepada risiko kebakaran yang meningkat atau yang selainnya adalah material.

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat tersebut bukan disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Sijil ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, deretan bangunan atau strukturmua dilindungkan di bawah Sijil ini.

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain, beban membuktikan bahawa sebarang keruntuhan atau perubahan tempat adalah disebabkan oleh kebakaran seperti yang tersebut terdahulu hendaklah terletak ke atas Peserta.

5. RISIKO YANG TIDAK DILINDUNGJI

(1) Takaful Ini Tidak Melindungi

- (a) Kerugian yang disebabkan kecurian semasa atau selepas berlaku kebakaran.
- (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang berlaku disebabkan penapaian sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan [kecuali seperti yang ditetapkan menurut Syarat 8(f)] atau disebabkan proses pemanasan atau pengeringan.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada:
 - (i) Pembakaran harta benda atas perintah mana-mana pihak berkuasa awam
 - (ii) Kebakaran Bawah Tanah.
- (d) Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada atau berlaku kerana bahan senjata nuklear.

- (2) Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau timbul atau akibat daripada atau disumbangkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti dari mana-mana bahan api nuklear atau dari sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.

Untuk tujuan Syarat 5(2) sahaja, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear swakekal.

6. PENGECUALIAN

Takaful ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian berikut, iaitu:

- (a) Gempa bumi, letusan gunung berapi atau gegaran alam yang lain.
- (b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain.
- (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara.
- (d) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau awam, penentangan, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau pengepungan.
- (e) Sebarang tindakan keganasan.
Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan serupa, termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam, atau mana-mana kumpulan orang awam.

Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang peristiwa tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini, melainkan Peserta hendaklah membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Pengendali Takaful mendakwa bahawa disebabkan peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh takaful ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian adalah dilindungi terletak pada Peserta.

7. PENCEMARAN/KONTAMINASI

Takaful Ini Tidak Melindungi Sebarang Liabiliti Bagi:

Kerugian atau kemasuhan atau kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran (kecuali dilindungi) melainkan kemasuhan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi disebabkan oleh

- (i) pencemaran yang dengan sendirinya disebabkan oleh suatu kontingenzi yang dengan ini dilindungi,
- (ii) sebarang kontingenzi yang dengan ini dilindungi yang secara sendirinya disebabkan oleh pencemaran.

8. HARTA BENDA DIKECUALIKAN

Kecuali Dinyatakan Dengan Jelas Di Dalam Sijil Ini, Sijil Ini Tidak Melindungi:

- (a) Barang yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen.
- (b) Bulion atau batu permata belum berikat.
- (c) Apa-apa barang yang ganjil atau hasil kerja seni bagi amaun yang melebihi RM500.00
- (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan.
- (e) Sekuriti, obligasi, atau dokumen apa pun bentuknya, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
- (f) Arang batu, terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pembakaran spontannya.
- (g) Bahan letupan.
- (h) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat letupan; tetapi kerugian atau kerosakan oleh sebab letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan menerangi atau domestik dalam sesebuah bangunan yang mana gas tidak dijana dan tidak membentuk sebahagian daripada sebarang kerja melibatkan gas, akan dianggap sebagai kerugian yang disebabkan oleh kebakaran sebagaimana yang dimaksudkan dalam Sijil ini.
- (i) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran, sama ada tidak sengaja atau sebaliknya, ke atas hutan, belukar, lalang, prairie, pampas atau rimba, dan pembersihan tanah dengan membakar.

9. PERUBAHAN RISIKO

Di bawah mana-mana keadaan yang berikut Sijil ini terhenti diguna pakai berhubung dengan harta yang berkenaan kecuali sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan Peserta telah mendapatkan kebenaran Pengendali Takaful yang dibuktikan dengan pengendorsan ke atas Sijil ini, oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful:

- (a) Jika perniagaan atau perusahaan yang dijalankan diubah, atau jika bentuk penghunian atau hal keadaan lain yang mempengaruhi bangunan yang dilindungi atau yang mengandungi harta benda yang dilindungi ditukar sedemikian rupa menyebabkan meningkatnya risiko kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.
- (b) Jika bangunan yang dilindungi atau yang mengandungi harta benda yang dilindungi tidak dihuni dan berkekalan sedemikian melebihi (30) hari.
- (c) Jika harta benda yang dilindungi dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada tempat yang dinyatakan di sini dilindungi.
- (d) Jika kepentingan ke atas harta benda yang dilindungi berpindah daripada Peserta selain daripada dengan wasiat atau penguatkuasaan undang-undang.
- (e) Jika notis untuk keluar telah dikeluarkan dengan perintah Pihak Berkuasa tempatan bagi rekuisisi atau pengambilan tanah yang di atasnya terletak harta benda Peserta.

10. FASAL MARIN

Sijil ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan pada harta benda yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, dilindungi oleh Sijil-Sijil Marin atau Polisi-Polisi Marin melainkan yang berhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi jumlah yang seharusnya dibayar di bawah Sijil-Sijil Marin atau Polisi-Polisi Marin sekiranya Sijil ini tidak berkuatkuasa.

11. FASAL PEMBATALAN

Sijil ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta, dalam hal ini Pengendali Takaful akan mengenakan kadar caruman pro-rata bagi tempoh sijil tersebut telah berkuatkuasa. Sijil ini juga boleh ditamatkan atas pilihan Pengendali Takaful dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta di alamatnya yang terakhir yang diketahui, dalam hal ini Pengendali Takaful hendaklah bertanggung jawab untuk memulangkan balik apabila dituntut suatu perkadaran setimpal caruman bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Jumlah yang akan dikembalikan setelah penamatkan sijil hendaklah tertakluk kepada caruman pro-rata yang akan dikenakan oleh Pengendali Takaful.

12. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan Peserta hendaklah dengan serta merta memberi notis kepada Pengendali Takaful dan hendaklah dalam masa lima belas (15) hari selepas kerugian atau kerosakan tersebut, atau lanjutan masa tertentu yang dibenarkan oleh Pengendali Takaful secara bertulis, menyerahkan kepada Pengendali Takaful:

- (a) Tuntutan secara bertulis bagi kerugian dan kerosakan yang mengandungi butir-butir lengkap seberapa yang boleh semua barang-barang yang rosak atau harta benda yang musnah, dan aman kerugian atau kerosakan, dengan mengambil kira nilai semasa kerugian atau kerosakan tersebut, tidak termasuk apa-apa jenis keuntungan.
- (b) Butir-butir tentang semua Takaful atau Insurans lain, jika ada.

Peserta hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaannya sendiri mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada Pengendali Takaful selanjutnya semua butiran, pelan, spesifikasi, buku, baucer, invois, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berhubung dengan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran tersebut dan keadaan bagaimana kerugian atau kerosakan itu berlaku, dan apa-apa perkara yang menyentuh liabiliti atau jumlah liabiliti Pengendali Takaful sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful berserta dengan suatu perisyiharan secara bersumpah atau dalam bentuk perundangan tentang kebenaran tuntutan tersebut dan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.

Tiada tuntutan di bawah Sijil ini akan dibayar kecuali terma kepada Syarat ini telah dipatuhi.

13. LANJUTAN

Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini dilanjutkan untuk memasukkan:

- (a) Upah pekerja Peserta selain daripada anggota Pasukan Bomba sepenuh masa.
- (b) Kos penggantian alat pemadam api dan kemusnahan atau kerosakan bahan-bahan (termasuklah pakaian pekerja dan barang kegunaan sendiri) kecuali selainnya dilindungi secara khusus.
- (c) Bayaran Pasukan Bomba.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa liabiliti Pengendali Takaful berhubung dengan upah, kos dan bayaran sedemikian hendaklah dihadkan kepada perbelanjaan yang perlu dan munasabah ditanggung untuk memadam kebakaran di lokasi atau bersebelahan lokasi harta benda yang dilindungi oleh Sijil ini atau yang serta-merta mengancam akan melibatkan harta benda tersebut.

14. HAK PENGENDALI TAKAFUL

Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dilindungi oleh Sijil ini, Pengendali Takaful boleh:

- (a) Memasuki dan mengambil dan mengekal milik bangunan atau premis di mana kerugian atau kerosakan itu telah berlaku.
- (b) Mengambil milik atau menghendaki diserahkan kepadanya mana-mana harta benda Peserta di dalam bangunan atau di atas premis semasa kerugian atau kerosakan itu.
- (c) Mengekal milik mana-mana harta benda sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, memindahkan, atau selainnya begitu juga.
- (d) Menjual mana-mana harta benda atau melupuskannya bagi pihak mereka yang berkenaan.

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini hendaklah digunakan oleh Pengendali Takaful pada bila-bila masa sehingga notis bertulis diberikan oleh Peserta bahawa beliau tidak membuat apa-apa tuntutan di bawah Sijil ini atau, jika apa-apa tuntutan dibuat, sehingga tuntutan sedemikian akhirnya ditentukan secara muktamad atau ditarik balik, dan Pengendali Takaful tidak boleh sama sekali melalui tindakannya dalam menjalankan atau bermaksud menjalankan kuasanya di bawah ini, menanggung apa-apa liabiliti kepada Peserta atau mengurangkan haknya untuk bergantung pada mana-mana syarat Sijil ini bagi memenuhi apa-apa tuntutan.

Jika Peserta atau mana-mana orang bagi pihaknya tidak mematuhi kehendak Pengendali Takaful atau menghalang atau menyekat Pengendali Takaful dalam menjalankan kuasanya di bawah ini, segala manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.

Peserta tidak berhak dalam apa-apa keadaan untuk meninggalkan mana-mana harta benda kepada Pengendali Takaful sama ada telah diambil milik oleh Pengendali Takaful atau tidak.

15. PENIPUAN

Jika tuntutan dibuat terdapat penipuan dari mana-mana segi, atau jika sebarang perisyiharan palsu dibuat atau digunakan bagi menyokongnya, atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Peserta atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya bagi mendapatkan sebarang manfaat di bawah Sijil ini; atau, jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh tindakan sengaja, atau Peserta tidak ambil peduli; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan suatu tindakan atau guaman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan sedemikian, atau (dalam kes membabitkan Penimbangtaraan mengikut Syarat ke-22 Sijil ini) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbangtaraan atau Wasit telah memberikan penganugerahan mereka, segala manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.

16. PILIHAN PENYELESAIAN

Pengendali Takaful boleh atas pilihannya memulihkan atau menggantikan harta benda yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, sebagai pilihan daripada membayar jumlah kerugian atau kerosakan itu, atau boleh bergabung dengan mana-mana Pengendali takaful atau penanggung insurans yang lain untuk berbuat demikian; tetapi Pengendali Takaful tidak terikat untuk memulihkan secara tepat atau sepenuhnya, tetapi hanya setakat keadaan mengizinkan dan cara yang memadai, dan dalam apa jua keadaan Pengendali Takaful tidak terikat untuk membelanjakan lebih daripada kos yang sepatutnya untuk memulihkan harta benda kepada keadaan sebagaimana pada masa kerugian atau kerosakan tersebut berlaku, mahupun yang melebihi jumlah dilindungi oleh Pengendali Takaful.

Jika Pengendali Takaful memilih untuk membaik pulih atau menggantikan mana-mana harta benda, Peserta hendaklah, atas pembiayaan sendiri, menyediakan kepada Pengendali Takaful pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti dan butir-butir lain yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful, dan tidak ada tindakan yang dilakukan atau berlaku disebabkan oleh tindakan Pengendali Takaful dengan matlamat untuk membaik pulih atau menggantikan harta benda boleh dianggap sebagai pilihan Pengendali Takaful untuk membaik pulih atau menggantikan harta benda tersebut.

Jika sekiranya Pengendali Takaful tidak dapat membaik pulih atau membaiki harta benda yang dengan ini dilindungi, disebabkan mana-mana peraturan perbandaran atau peraturan lain yang berkuatkuasa yang menjelaskan penjajaran jalan, atau pembinaan bangunan, atau selainnya, Pengendali Takaful hendaklah, dalam setiap hal sedemikian, hanya bertanggung jawab untuk membayar jumlah berkenaan yang diperlukan bagi membaik pulih atau membaiki harta benda tersebut sekiranya boleh dibaik pulih kepada keadaan asalnya secara sah di sisi undang-undang.

17. NILAI PASARAN

Jika berlaku suatu kerugian ke atas harta benda yang dilindungi (selain daripada stok dan item bangunan) dengan ini, pihak Pengendali Takaful hendaklah membayar pada nilai yang dilindungi atau pada nilai pasaran bagi harta benda yang dilindungi, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada pemotongan sebarang lebihan dan jumlah yang perlu ditanggung oleh Peserta di bawah Sijil ini. Bagi tujuan syarat ini, terma nilai pasaran hendaklah bermaksud nilai harta yang dengan ini dilindungi pada masa kerosakan atau kerugian tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susut nilai.

Nilai Pasaran harta benda yang dilindungi bagi tujuan syarat ini hendaklah ditentukan menerusi penilaian yang diperolehi oleh Pengendali Takaful daripada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi kos untuk menggantikan atau mengembalikan/memulihkan semula, tertakluk kepada aplikasi susutnilai yang wajar, ke atas harta dilindungi yang rosak atau hilang kepada keadaan sediakala/asal pada masa berlakunya kerosakan atau kehilangan sedemikian.

Jika berlaku keadaan di mana, pada masa kerosakan atau kerugian tiada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi harta benda yang dilindungi, penilaian hendaklah diperolehi daripada Penyelaras Kerugian yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 dan yang dilantik secara bersama oleh kedua-dua belah pihak. Penilaian bagi harta benda yang dilindungi oleh pembuat, ejen sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah, kontraktor bangunan, Penyelaras Kerugian didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 Islam atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 hendaklah dijadikan bukti muktamad di dalam hal nilai pasaran bagi harta benda yang dilindungi dalam mana-mana prosiding terhadap Pengendali Takaful tersebut.

18. SUBROGASI

Peserta hendaklah, atas pembiayaan Pengendali Takaful, melakukan, dan bersetuju untuk melakukan, dan membenarkan supaya dilakukan, segala tindakan dan perkara berkenaan sebagaimana yang mungkin perlu atau secara yang berpatutan diperlukan oleh Pengendali Takaful bagi tujuan menguatkasakan sebarang hak dan pembetulan, atau mendapatkan pelepasan atau indemnititi daripada lain-lain pihak di mana Pengendali Takaful hendaklah atau akan berhak atau mengambil alih hak, apabila ia membayar bagi atau membuat bayaran apa-apa kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas pembayaran ganti rugi kapadanya oleh Pengendali Takaful.

19. CARUMAN

Jika semasa berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dengan ini dilindungi, terdapat apa-apa takaful atau insurans lain yang masih berkuatkuasa, sama ada dikuatkuasakan oleh Peserta atau oleh pihak lain, yang melindungi harta yang sama, Pengendali Takaful ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada perkadarannya setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

20. PURATA

Jika harta benda yang dilindungi, pada ketika berlakunya kebakaran, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang dilindungi ke atasnya, maka Peserta hendaklah dianggap sebagai penanggung sendiri bagi perbezaan tersebut, dan hendaklah menanggung perkadarannya setimpal bagi kerugian tersebut. Setiap item, jika lebih daripada satu, ke atas Sijil hendaklah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.

21. PENGEMBALIAN SEMULA JUMLAH DILINDUNG

Sekiranya berlaku kerugian, Takaful di bawah ini hendaklah dikenakan berkuatkuasa pada jumlah penuh yang dilindungi Peserta hendaklah bertanggungjawab untuk membuat caruman tambahan pada kadar yang dinyatakan pada Sijil ke atas jumlah kerugian berdasarkan kiraan pro rata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamatnya tempoh Takaful semasa.

22. PENIMBANGTARAAN

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah apa-apa kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah bebas daripada semua persoalan lain dirujukkan kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalender selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan kalender setelah menerima notis secara bertulis yang meminta satu perlantikan, pihak lagi satu adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal, dan sekiranya terdapat ketidaaan persetujuan antara Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk untuk keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, yang hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat tersebut. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian seseorang Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk mengantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu. Kos rujukan dan award hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award. Dengan ini dinyatakan secara khusus dan diperakui bahawa adalah menjadi syarat sebelum hak mengambil tindakan atau guaman ke atas Polisi ini bahawa award oleh Penimbang Tara Wasit mengenai jumlah kerugian atau kerosakan yang dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

23. HAD MASA

Dalam apa jua hal Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan selepas tamatnya dua belas (12) bulan dari berlakunya kerugian atau kerosakan kecuali tuntutan tersebut adalah merupakan suatu tindakan atau penimbangtaraan yang belum selesai.

24. NOTIS KEPADA PENGENDALI TAKAFUL

Setiap notis dan komunikasi lain kepada Pengendali Takaful yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah secara bertulis atau bercetak.

25. MAKSUD

Sijil ini dan Jadual di dalam ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang maksud khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadualnya hendaklah membawa maksud sedemikian maksud sedemikian di mana sahaja ia muncul.

26. AQAD

Pengendali Takaful akan menguruskan caruman takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya ditempatkan ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Dana Takaful Am (DTA). Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama Sijil, terdapat lebihan bersih di dalam DTA, lima puluh peratus (50%) daripada lebihan bersih tersebut akan dikongsi di bawah kontrak Hibah secara berkadar oleh Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut sementara Sijil tersebut berkuatkuasa.

Se semua peserta yang memperbarui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

Se semua peserta korporat yang memperbarui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat tuntutan melebihi 30% daripada jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

27. NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Kami/Zurich General Takaful Malaysia Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Anda boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi anda, mengehadkan pemprosesan data peribadi dan/atau under memilih keluar daripada penggunaan Kami/Pengendali Takaful pada bila-bila masa selaras ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada kami dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my.

Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut

Pemprosesan data peribadi anda tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Kami/Zurich General Takaful Malaysia Berhad, seperti yang di terbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

28. RISIKO PATUH SYARIAH

Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh penglibatan atau penyertaan Peserta dalam atau mengambil bahagian dalam sebarang acara lain yang dilarang di bawah prinsip Syariah.

29. WARANTI CARUMAN

Dengan ini menjadi syarat khas asas dan mutlak Sijil ini bahawa caruman yang perlu dibuat mesti dibuat dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil ini/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka Sijil ini dibatalkan secara automatik dan Pengendali Takaful mempunyai hak ke atas caruman prorata bagi tempoh mereka menanggung risiko.

Apabila caruman yang dibuat menurut waranti ini diterima oleh ejen sah Pengendali Takaful, caruman hendaklah dianggap diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan waranti dan tanggungjawab untuk membuktikan caruman yang telah dibuat diterima oleh wakil sah Pengendali Takaful, termasuk ejen Pengendali Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima caruman tersebut, terletak pada Pengendali Takaful.

Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

30. FASAL PENGECUALIAN PERESAPAN, PENCEMARAN & KONTAMINASI INDUSTRI

Sijil ini tidak melindungi sebarang liabiliti bagi :-

- (1) Kecederaan Diri atau Kecederaan Badan atau kehilangan atau kerosakan kepada atau hilang penggunaan harta benda secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh peresapan, pencemaran atau kontaminasi, dengan syarat dalam segala hal bahawa perenggan (1) ini tidak diguna pakai bagi liabiliti bagi Kecederaan Diri atau Kecederaan Badan atau kehilangan atau kerosakan fizikal atau kemusnahan harta benda ketara, atau hilang penggunaan harta benda tersebut yang rosak atau musnah, jika peresapan, pencemaran atau kontaminasi tersebut disebabkan oleh kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan tidak dijangka dalam tempoh Sijil ini.
- (2) Kos mengeluarkan, menampung atau membersihkan bahan yang meresap, mencemar atau menimbulkan kontaminasi, melainkan peresapan, pencemaran atau kontaminasi disebabkan oleh kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan tidak dijangka dalam tempoh Sijil ini.
- (3) Denda, penalti, ganti rugi punitif atau teladan.

Untuk tujuan fasal ini, "Pencemar" bermaksud sebarang perengsa atau pencemar pepejal, cecair, bergas atau haba, termasuk tetapi tidak terhad kepada asap, wap, jelaga, wasap, asid, alkali, bahan kimia sisa buangan. Sisa buangan termasuk bahan untuk dikitar semula, disesuaikan semula atau dipulih guna.

Fasal tersebut tidak harus melanjutkan Sijil ini untuk melindungi sebarang liabiliti yang tidak dilindungi di bawah Sijil jika Fasal ini tidak dilampirkan bersama.

31. FASAL PENENTUAN TARIKH

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Sijil ini dipinda seperti berikut:

- (a) Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk sebarang kerugian atau kerosakan termasuk kerugian akibat hilang penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau sebarang kerugian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, merangkumi, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, peralatan pemprosesan data, mikrocip media, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), litar bersepada atau peranti yang serupa, atau sebarang perisian komputer, sama ada milik Peserta atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti tersebut dan/atau perisian seperti yang dinyatakan di atas untuk:
 - (i) menentukan dengan betul sebarang tarikh sebagai tarikh kalender yang sebenar;
 - (ii) merakam, menyimpan atau mengekalkan, dan/atau memanipulasi, mentafsir atau memproses dengan betul sebarang data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat menganggap sebarang tarikh lain sebagai tarikh kalender sebenar; dan/atau
 - (iii) merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul sebarang data akibat daripada operasi sebarang perintah yang telah diprogramkan ke dalam mana-mana perisian komputer, iaitu perintah yang menyebabkan kehilangan data atau kehilangan upaya untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses data tersebut dengan betul pada atau selepas sebarang tarikh.
- (b) Dengan ini difahamkan selanjutnya bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk pembaikan atau pengubahsuaian mana-mana bahagian sebarang sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana bahagian sebarang peranti dan/atau perisian seperti yang disenaraikan dalam bahagian (a) di atas.
- (c) Dengan ini difahamkan selanjutnya bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk sebarang hilang penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau sebarang kerugian turutan yang secara langsung atau tidak langsung berpuncanya daripada sebarang nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyenggaran, pembaikan atau penyeliaan yang dilakukan oleh Pengendali Takaful atau untuk Pengendali Takaful atau oleh atau untuk orang lain bagi menentukan, membetulkan atau menguji, sebarang kegagalan, kerosakan atau kekurangan sebenar atau yang mungkin berlaku, yang dinyatakan dalam bahagian (a) di atas.
- (d) Dengan ini difahamkan selanjutnya bahawa Pengendali Takaful tidak akan membayar untuk sebarang kerugian turutan akibat daripada sebarang kegagalan berterusan komputer dan peralatan yang dinyatakan dalam bahagian (a) di atas untuk menentukan dengan betul sebarang tarikh sebagai tarikh kalender sebenar selepas harta benda yang hilang atau rosak telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan sedemikian atau sebarang kerugian turutan yang dirujuk dalam bahagian (a), (b), (c) atau (d) di atas, dikecualikan tanpa mengira sebarang punca lain yang menyumbang kepadanya secara serentak atau dalam sebarang turutan lain.

Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

32. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA BENDA

Kerosakan harta benda yang dilindungi di bawah Sijil ini bermaksud kerosakan fizikal kepada harta benda.

Kerosakan fizikal kepada harta benda adalah tidak termasuk kerosakan kepada data atau perisian, khususnya sebarang perubahan yang merosakkan data, perisian atau program komputer disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau kecacatan struktur asal.

Seterusnya yang berikut dikecualikan daripada Sijil ini:-

- (a) Kehilangan atau kerosakan kepada data atau perisian, khususnya sebarang perubahan yang merosakkan data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, pencemaran atau kecacatan struktur asal, dan sebarang kerugian disebabkan gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan tersebut. Walau apa pun yang terkandung dalam pengecualian ini, kehilangan atau kerosakan data atau perisian, yang merupakan kesan langsung kerosakan fizikal terlindung kepada bahan atau harta benda, adalah dilindungi; dan
- (b) Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan fungsi, ketersediaan, julat penggunaan atau kebolehcapaian data, perisian atau program komputer dan sebarang kerugian akibat gangguan perniagaan yang timbul daripada kehilangan atau kerosakan tersebut.

33. PERUNTUKAN CUKAI

Semua caruman dan yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini mungkin dikenakan Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan **Zurich General Takaful Malaysia Berhad** berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada caruman dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barang atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

34. PENGURUSAN JUMLAH KECIL

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami.

Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.

FASAL / PENGENDORSAN / WARANTI
(HANYA BERKENAAN JIKA DISEBUT DI DALAM JADUAL)

FC801A FASAL PENGETUARAN SEMENTARA – KANDUNGAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN

Harta benda yang dilindungi di bawah Sijil ini dilindungi semasa dikeluarkan buat sementara waktu termasuk dalam transit, tetapi masih kekal di Malaysia, Republik Singapura atau Brunei Darussalam untuk jumlah tidak melebihi 15% daripada jumlah dilindungi di bawah (setiap item) sijil ini.

Jumlah boleh diperolehi semula di bawah lanjutan ini bagi (setiap item) sijil hendaklah tidak melebihi jumlah yang sepatutnya diperolehi sekiranya kerugian berlaku di premis di mana harta benda dikeluarkan buat sementara.

Lanjutan ini tidak diguna pakai bagi harta benda yang dilindungi selainnya atau yang dikeluarkan untuk jualan atau pameran atau dibawa ke tempat simpanan perabot.

FC801B FASAL PENGETUARAN SEMENTARA – HARTA BENDA LAIN KECUALI STOK DAGANGAN DAN BARANG NIAGA

Harta benda yang dilindungi di bawah Sijil ini akan dilindungi (terhad kepada 10% daripada jumlah perlindungan) semasa dikeluarkan buat sementara waktu termasuk dalam transit untuk pembersihan, pengubahsuaian, pemberian atau sebarang tujuan lain, di tempat lain di premis yang sama atau ke mana-mana premis lain dan dalam transit ke dan dari premis melalui jalan raya, rel atau laluan air darat, yang kesemuanya di Malaysia, Republik Singapura atau Brunei Darussalam.

Jumlah yang boleh diperolehi semula di bawah lanjutan ini bagi harta benda yang dikeluarkan hendaklah tidak melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di bahagian premis di mana harta benda dikeluarkan buat sementara waktu.

Lanjutan ini tidak diguna pakai bagi harta benda jika dan setakat mana ia mempunyai perlindungan lain, dan ia juga tidak diguna pakai bagi item meliputi setiap jenis stok dan barang niaga, dan bagi sebarang kerugian yang berlaku di tempat lain selain daripada di premis di mana harta benda itu dikeluarkan buat sementara:

- i) Kenderaan Motor dan Casis Motor.
- ii) Harta Benda (selain daripada jentera dan loji) yang dipegang-simpan di bawah amanah oleh Peserta.

FC802A PEMBUANGAN SAMPAH-SARAP (DENGAN JUMLAH DILINDUNG BERASINGAN)

Takaful bagi item ini adalah berhubung dengan kos dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Peserta dengan persetujuan Pengendali Takaful untuk:

- (a) membuang sampah-sarap
- (b) menanggalkan dan/atau merobohkan
- (c) mengukuhkan atau memantapkan

bahagian atau bahagian-bahagian harta benda yang dilindungi oleh Sijil ini yang musnah dan rosak akibat kebakaran dan sebarang bahaya lain yang dilindungi. (Item (b) dan (c) di atas dianggap terbatas apabila tiada Bangunan dan jentera dilindungi).

Pengendali Takaful tidak akan membayar sebarang kos atau perbelanjaan:

- (i) yang ditanggung untuk membuang sampah-sarap kecuali dari tapak harta benda yang musnah atau rosak dan kawasan betul-betul bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) yang timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta benda yang tidak dilindungi oleh Sijil ini.

FC802B PEMBUANGAN SAMPAH-SARAP (TANPA JUMLAH DILINDUNG BERASINGAN)

Takaful atas item yang dilindungi di dalam ini termasuk kos dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Peserta dengan persetujuan Pengendali Takaful untuk:

- (a) membuang sampah-sarap
- (b) menanggalkan dan/atau merobohkan
- (c) mengukuhkan atau memantapkan

bahagian atau bahagian-bahagian harta-benda yang dilindungi oleh Sijil ini yang musnah dan rosak akibat kebakaran dan sebarang bahaya lain yang dilindungi. (Item (b) dan (c) di atas dianggap terbatas apabila tiada Bangunan dan jentera dilindungi).

Jumlah yang perlu dibayar bagi kos dan perbelanjaan tersebut hendaklah tidak melebihi 10% daripada Jumlah Dilindungi bagi setiap Item atau Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) secara keseluruhan bagi mana-mana satu kerugian, yang mana lebih rendah.

Pengendali Takaful tidak akan membayar kos atau perbelanjaan:

- (i) yang ditanggung untuk membuang sampah-sarap kecuali dari tapak harta benda yang musnah atau rosak dan kawasan betul-betul bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) yang timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta benda yang tidak dilindungi oleh Sijil ini.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa liabiliti maksimum Pengendali Takaful tidak melebihi jumlah dinyatakan di dalam Jadual bagi item yang dilindungi.

FC803A YURAN ARKITEK, JURUUKUR, JURUTERA DAN PERUNDING (DENGAN JUMLAH DILINDUNG BERASINGAN)

Takaful bagi item ini berhubung dengan yuran Arkitek, Juruukur dan Jurutera Perunding bagi anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang perlu ditanggung untuk membaik pulih harta benda yang dilindungi selepas kemusnahan atau kerosakan akibat kebakaran atau bahaya lain yang dilindungi terhadapnya, tetapi bukan bagi yuran untuk menyediakan tuntutan di bawah ini. Jumlah yang perlu dibayar bagi yuran sedemikian hendaklah tidak melebihi yuran yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bagi profesion yang berkenaan yang diguna pakai pada masa kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah yang dilindungi di bawah item ini.

FC803B YURAN ARKITEK, JURUUKUR, JURUTERA DAN PERUNDING (TANPA JUMLAH DILINDUNG BERASINGAN)

Takaful ke atas bangunan, kilang dan jentera yang dilindungi di dalam ini termasuk yuran Arkitek, Juruukur Bahan dan Jurutera Perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang perlu ditanggung untuk membaik pulih harta benda yang dilindungi selepas kemusnahan atau kerosakan akibat kebakaran atau bahaya lain yang dilindungi, tetapi bukan yuran untuk menyediakan sebarang tuntutan di bawah ini. Jumlah yang perlu dibayar untuk yuran sedemikian hendaklah tidak melebihi yuran yang dibenarkan di bawah skala

Persatuan bagi profesi masing-masing yang berkenaan yang diguna pakai pada masa kemasuhan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah yang dilindungi bagi setiap item.

FC804 FASAL KANDUNGAN LAIN

Dengan ini dipersetujui bahawa istilah "Kandungan Lain" setakat mana ia tidak dilindungi selainnya difahamkan turut termasuk:

- (a) Wang dan setem yang tidak dilindungi secara khusus untuk jumlah yang tidak melebihi RM1,000.
- (b) Dokumen, manuskrip dan buku perniagaan tetapi hanya untuk nilai bahan sebagai alat tulis, bersama kos buruh perkeranian yang digunakan untuk mencatatkannya, dan bukan untuk nilai kepada Peserta bagi maklumat yang terkandung di dalamnya dan untuk jumlah tidak melebihi RM1,000 bagi mana-mana satu dokumen, manuskrip atau buku perniagaan.
- (c) Rekod sistem komputer tetapi hanya untuk nilai bahan serta kos buruh perkeranian dan masa komputer yang diluangkan untuk menghasilkan semula rekod tersebut (tidak termasuk sebarang perbelanjaan berhubung dengan penghasilan maklumat yang dicatatkan di dalamnya) dan bukan bagi nilai maklumat yang terkandung di dalamnya kepada Peserta dan untuk jumlah tidak melebihi RM1,000.
- (d) Corak, model, acuan, pelan dan reka bentuk, untuk jumlah yang tidak melebihi RM1,000 bagi mana-mana satu corak, model, acuan, rancangan atau reka bentuk.
- (e) Basikal, pakaian, alatan dan barang peribadi lain kakitangan untuk jumlah yang tidak melebihi RM1,000 bagi mana-mana seorang Kakitangan.

FC805 FASAL PENAMBAHAN MODAL (TIDAK BERKENAAN BAGI STOK DAGANGAN ATAU BARANG NIAGA ATAU TAKAFUL DI MANA JUMLAH DILINDUNGI KESELURUHAN ADALAH KURANG DARIPADA RM1 JUTA)

Takaful dengan in dilanjutkan untuk meliputi pindaan, penambahan dan penambahbaikan (tetapi bukan peningkatan nilai melebihi jumlah dilindungi) kepada harta benda yang dinyatakan di dalam Sijil ini untuk jumlah yang tidak melebihi 10% daripada jumlah dilindungi bagi setiap item atau RM1 juta setiap lokasi yang mana lebih rendah.

Peserta berjanji untuk memaklumkan kepada Pengendali Takaful setiap tiga bulan tentang pindaan, penambahan dan penambahbaikan tersebut dan membuat caruman yang sewajarnya untuknya.

Fasal ini tidak berkuat kuasa jika perakuan tentang pindaan, penambahan atau penambahbaikan tersebut tidak diterima oleh Pengendali dalam masa 90 hari dari tarikh pindaan, penambahan dan penambahbaikan tersebut.

Untuk tujuan Fasal ini, tarikh permulaan di bawah Waranti Caruman hendaklah dianggap tarikh perakuan yang diterima oleh Pengendali Takaful.

FC806A PEMEGANG GADAI JANJI (PEMEGANG CAGARAN) FASAL 1

Kerugian, jika ada, yang perlu dibayar kepada firma atau Pengendali Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual sebagai Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran), apabila kepentingannya timbul dalam Takaful ini, hanya setakat melibatkan kepentingan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) di dalamnya, tidak akan terbatas oleh sebarang tindakan atau kecualian Penggadai Janji (Pencagar) atau Pemilik harta benda yang dihuraikan di dalam ini atau oleh sebarang rampasan hartanah atau prosiding lain atau notis jualan berkaitan dengan harta benda tersebut atau oleh penggunaan premis untuk tujuan lebih merbahaya daripada yang dibenarkan oleh Sijil ini, atau akibat hartanah tidak dihuni, atau oleh sebarang peningkatan risiko lain ke atas harta benda yang dilindungi di bawah ini, dengan syarat bahawa sekiranya Penggadai Janji (Pencagar) atau Pemilik gagal membuat caruman di bawah Sijil ini, Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) hendaklah membuatnya apabila diminta. Dengan syarat selanjutnya bahawa Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) hendaklah memberitahu Pengendali Takaful sekiranya hartanah tidak dihuni atau mengenai sebarang pertukaran pemilikan atau penghunian atau peningkatan tahap bahaya yang diketahui oleh Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) dan melainkan dibenarkan oleh Sijil ini hendaklah diambil kira dan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) hendaklah apabila diminta, membuat caruman untuk sebarang peningkatan bahaya sedemikian untuk tempohnya, jika tidak Sijil ini dianggap batal dan tidak sah.

Dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa apabila Pengendali Takaful membayar kepada Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) tersebut sebarang jumlah bagi kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini dan mendakwa kepada Penggadai Janji (Pencagar) atau Pemilik bahawa liabiliti tidak wujud, Kami akan mendapat semua hak subrogasi Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) setakat bayaran sedemikian tetapi tidak sehingga menjelaskan hak Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) tersebut untuk memperolehi semula jumlah penuh sebarang tuntutan yang mungkin dibuat olehnya terhadap Penggadai Janji (Pencagar) atau Pemilik atau mana-mana pihak lain yang dilindungi atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang boleh didapatkan.

Fasal Tiada Pembatalan

Dan dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa pembatalan Sijil ini tidak akan dilakukan oleh orang dilindungi melainkan selepas memaklumkan kepada Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) secara bertulis dengan memberikan notis empat belas (14) hari ke alamat terakhir Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) yang diketahui.

FC806B FASAL 2 PEMEGANG GADAI JANJI (PEMEGANG CAGARAN)

Dengan ini dipersetujui bahawa Takaful ini, dari segi kepentingan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) tidak boleh dibatalkan oleh sebarang perubahan pekerjaan atau peningkatan risiko yang berlaku atau harta benda yang dilindungi tanpa pengetahuan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) dengan syarat Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) hendaklah serta-merta, selepas mendapat tahu, memberikan notis mengenainya kepada Pengendali Takaful dan membuat caruman tambahan (jika ada) yang mungkin diperlukan oleh Pengendali Takaful dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

Fasal Tiada Pembatalan

Dan dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa pembatalan Sijil ini tidak akan dilakukan oleh orang dilindungi melainkan selepas memaklumkan kepada Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) secara bertulis dengan memberikan notis empat belas (14) hari ke alamat terakhir Pemegang Gadai Janji (Pemegang Cagaran) yang diketahui.

FC807 HARGA KONTRAK

Dengan ini dipersetujui bahawa berhubung dengan hanya barang yang dijual tetapi belum diserahkan di mana pihak dilindungi bertanggungjawab terhadapnya dan berhubung dengan keadaan di mana di bawah syarat-syarat jualan, kontrak jualan dibatalkan akibat kebakaran atau sebarang bahaya lain yang dilindungi di bawah ini, sama ada secara sepenuhnya atau setakat kerugian atau kerosakan, liabiliti Pengendali Takaful adalah berdasarkan harga kontrak, dan untuk tujuan mengira nilai semua barang di mana fasal ini akan berkuat kuasa sekiranya berlaku kemasuhan atau kerosakan, kaedah yang sama akan diguna pakai.

FC808 PENGECUALIAN ASAS BANGUNAN

Takaful ke atas Bangunan mengecualikan mana-mana bahagian bangunan di bawah permukaan aras terendahnya (dan bahagian asas konkrit bagi jentera yang menjangkaui di atas paras tersebut).

FC810 REKOD SISTEM KOMPUTER

Rekod sistem komputer dilindungi hanya untuk nilai bahan bersama kos buruh perkeranian dan masa komputer yang diluangkan untuk menghasilkan semula rekod tersebut (tidak termasuk sebarang perbelanjaan berhubung dengan penghasilan maklumat yang perlu dicatatkan di dalamnya) dan bukan untuk nilai maklumat yang terkandung di dalamnya.

FC811 FASAL PENETAPAN

Untuk tujuan menentukan, sekiranya perlu, item yang mana harta benda dilindungi, Pengendali Takaful bersetuju menerima penetapan harta benda tersebut sebagaimana dicatatkan di dalam buku Peserta.

FC813 FASAL PENINGKATAN

Sebagai pertimbangan kepada caruman tambahan berjumlah 50% daripada caruman, yang dikira dengan menggunakan pakai peratus khusus kepada caruman pertama atau tahunan yang berkenaan ke atas item yang dicatatkan di bawah, jumlah dilindungi hendaklah dalam tempoh takaful, ditingkatkan setiap hari dengan jumlah yang mewakili 1/365 daripada peningkatan peratus yang dinyatakan setahun.

Nombor Item	Peningkatan peratus terkhusus setahun
(seperti yang disebutkan di dalam jadual Takaful)	

Melainkan dipersetujui secara khusus sebaliknya, peruntukan Fasal ini hanya akan dikenakan ke atas jumlah dilindungi yang berkuat kuasa pada permulaan setiap tempoh takaful.

Pada setiap tarikh pembaharuan, Peserta hendaklah memaklumkan kepada Pengendali tentang:

- (i) jumlah yang akan dilindungi bagi setiap item di atas, tetapi tanpa arahan tersebut, jumlah dilindungi oleh item tersebut adalah yang dinyatakan di dalam Sijil (seperti yang dipinda oleh sebarang pengendorsan yang berkuat kuasa sebelum tarikh pembaharuan yang dinyatakan) dengan peningkatan yang terakur di bawah fasal ini akan ditambah dalam tempoh takaful sehingga tarikh pembaharuan, dan
- (ii) peningkatan peratus ditetapkan yang diperlukan bagi tempoh takaful akan datang, tetapi tanpa arahan yang menyatakan sebaliknya sebelum tarikh pembaharuan, peningkatan peratus sedia ada akan berkuat kuasa bagi tempoh takaful dari tarikh pembaharuan.

Semua syarat Sijil ini melainkan yang dengan ini diubah secara khusus hendaklah dikenakan seolah-olah syarat tersebut telah dimasukkan di dalam ini.

FC816 FASAL NILAI BAIK PULIH (TIDAK BERKENAAN BAGI STOK DAGANGAN DAN/ATAU BARANG NIAGA)

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya yang terkandung dalam Syarat 17 Sijil, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sekiranya harta benda yang dilindungi di bawah dan di dalam Sijil musnah atau rosak, jumlah perlu dibayar di bawah (setiap item tersebut) Sijil hendaklah dikira berasaskan kos penggantian atau baik pulih di atas tapak yang sama harta benda dengan jenis atau bentuk sama tetapi tidak lebih baik atau lebih besar daripada harta benda yang dilindungi semasa baharu, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga kepada terma dan syarat Sijil melainkan ia telah diubah di dalam ini.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kerja penggantian atau baik pulih (yang boleh dilakukan di tapak lain dan dengan sebarang cara yang sesuai dengan kehendak Peserta dengan syarat liabiliti Pengendali Takaful tidak ditambah) mesti dimulakan dan dijalankan dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau dalam sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Pengendali Takaful (dalam 12 bulan tersebut), jika tidak, tiada bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini sekiranya memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya, akan dibuat.
2. Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh Peserta untuk menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak, Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap sebarang bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya.
3. Jika pada masa penggantian atau baik pulih jumlah kos yang akan ditanggung untuk penggantian atau baik pulih sekiranya seluruh harta benda yang dilindungi musnah adalah melebihi jumlah yang dilindungi pada masa berlaku kebakaran atau pada permulaan sebarang kemusnahan atau kerosakan harta benda tersebut yang disebabkan oleh sebarang bahaya lain yang dilindungi di bawah Sijil ini, maka Peserta hendaklah menanggung sendiri jumlah lebihan dan menanggung bahagian sekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap item dalam Sijil (jika lebih daripada satu) yang diliputi oleh memorandum ini hendaklah tertakluk secara berasingan kepada peruntukan di atas.
4. Memorandum ini tidak berkuat kuasa atau berkesan jika:
 - a) Peserta gagal memaklumkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Pengendali Takaful, mengenai hasrat untuk menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak.
 - b) Peserta tidak mampu atau tidak sanggup menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak di tapak asal atau tapak lain.
5. Tiada apa-apa bayaran yang melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya akan dibuat sekiranya pada masa kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dilindungi, harta benda tersebut dilindungi oleh sebarang takaful lain yang diambil oleh atau bagi pihak Peserta, yang tidak mempunyai syarat baik pulih serupa yang terkandung di dalam ini.

FC816A FASAL NILAI BAIK PULIH (HARTANAH HAK MILIK STRATA)

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya yang terkandung dalam Syarat 17 Sijil, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sekiranya harta benda yang dilindungi di bawah dan di dalam Sijil musnah atau rosak, jumlah perlu dibayar di bawah (setiap item tersebut) Sijil hendaklah dikira berasaskan kos penggantian atau baik pulih di atas tapak yang sama harta benda dengan jenis atau bentuk sama tetapi tidak lebih baik atau lebih besar daripada harta benda yang dilindungi semasa baharu, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga kepada terma dan syarat Sijil melainkan ia telah diubah di dalam ini.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kerja penggantian atau baik pulih (yang boleh dilakukan di tapak lain dan dengan sebarang cara yang sesuai dengan kehendak Peserta dengan syarat liabiliti Pengendali Takaful tidak ditambah) mesti dimulakan dan dijalankan dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau dalam sebarang tempoh lanjutan yang

- mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Pengendali Takaful (dalam 12 bulan tersebut), jika tidak, tiada bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini sekiranya memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya, akan dibuat.
2. Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh Peserta untuk menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak, Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap sebarang bayaran melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini jika memorandum ini tidak dimasukkan ke dalamnya.
 3. Jika Jumlah Dilindungi pada masa berlaku kebakaran atau pada permulaan sebarang kemasuhan atau kerosakan harta benda akibat mana-mana bahaya lain yang dilindungi adalah kurang daripada 85% jumlah yang mewakili kos pada masa penggantian atau baik pulih yang akan ditanggung untuk menggantikan atau mengembalikan semula sekiranya seluruh harta benda yang dilindungi musnah, maka Peserta hendaklah menanggung sendiri perbezaan antara jumlah dilindungi dan jumlah yang mewakili kos penuh pada masa penggantian atau baik pulih yang sepatutnya ditanggung untuk menggantikan dan membaik pulih sekiranya seluruh harta benda dilindungi telah musnah dan menanggung bahagian sekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap item, jika lebih daripada satu dalam Sijil, hendaklah tertakluk secara berasingan kepada Peruntukan Khas ini.
 4. Fasal ini tidak berkua kuasa atau berkesan jika:
 - (a) Peserta gagal memaklumkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemasuhan atau kerosakan, atau sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Pengendali Takaful, tentang hasrat untuk menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak.
 - (b) Peserta tidak mampu atau tidak sanggup menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak di tapak asal atau tapak lain.
 5. Tiada apa-apa bayaran yang melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini jika fasal ini tidak dimasukkan ke dalamnya akan dibuat sekiranya pada masa kemasuhan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dilindungi, harta benda tersebut dilindungi oleh sebarang takaful lain yang diambil oleh atau bagi pihak Peserta, yang tidak mempunyai syarat baik pulih serupa yang terkandung di dalam ini.
 6. Sekiranya Pengendali Takaful bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran (selain daripada bayaran mewakili kos menggantikan atau membaik pulih harta benda yang musnah atau rosak) di bawah peruntukan fasal ini, Pengendali Takaful hanya akan membuat bayaran tersebut di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 dan/atau pindaan selanjutnya.

FC818 FASAL BAIK PULIH UNTUK MEMATUHI KEPERLUAN PIHAK BERKUASA AWAM

Walau apa pun yang menyatakan selainnya yang terkandung dalam Syarat 17 Sijil, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kos tambahan untuk membaik pulih harta benda Peserta yang musnah atau rosak yang dilindungi seperti yang ditanggung semata-mata disebabkan keperluan untuk mematuhi peraturan bangunan atau peraturan lain yang ditetapkan atau dirangka menurut sebarang Akta Kerajaan atau Undang-Undang Kecil mana-mana Majlis Perbandaran dan Pihak Berkuasa Tempatan, dengan syarat bahawa:

1. Jumlah yang diperolehi semula di bawah Lanjutan ini tidak termasuk:
 - (a) kos yang ditanggung bagi mematuhi sebarang Peraturan atau Undang-Undang Kecil yang tersebut di atas:-
 - (i) bagi kemasuhan atau kerosakan yang berlaku sebelum lanjutan ini diberikan;
 - (ii) bagi kemasuhan atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini;
 - (iii) di mana notis telah diberikan kepada Peserta sebelum berlaku kemasuhan atau kerosakan; atau
 - (iv) bagi harta benda yang tidak rosak atau bahagian harta benda yang tidak rosak.
 - (b) kos tambahan yang diperlukan untuk memulihkan harta benda yang rosak atau musnah kepada keadaan yang sama seperti baru sekiranya tidak timbul keperluan untuk mematuhi sebarang Peraturan atau Undang-Undang Kecil; atau
 - (c) jumlah sebarang kadar, cukai, duti, pembangunan atau caj lain atau taksiran yang timbul daripada peningkatan modal yang perlu dibayar bagi harta benda atau oleh pemilik atas sebab pematuhan kepada mana-mana Peraturan dan Undang-Undang Kecil tersebut.
2. Kerja baik pulih mesti dimulakan dan dijalankan dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemasuhan atau dalam sebarang tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan secara bertulis oleh Pengendali Takaful (dalam tempoh dua belas (12) bulan tersebut) dan boleh dijalankan secara keseluruhan atau sebahagian di satu lagi tapak (jika diperlukan di bawah Peraturan atau Undang-Undang Kecil tersebut) dengan syarat liabiliti Pengendali Takaful di bawah lanjutan ini tidak ditambah.
3. Jika liabiliti Pengendali Takaful di bawah (mana-mana item) Sijil selain daripada lanjutan ini dikurangkan oleh pelaksanaan mana-mana terma dan syarat Sijil, maka liabiliti Pengendali Takaful di bawah lanjutan ini (bagi mana-mana item tersebut) hendaklah dikurangkan secara berkadar.
4. Jumlah yang boleh diperolehi semula di bawah mana-mana item Sijil hendaklah tidak melebihi jumlah yang dilindungi; atau
5. Semua syarat Sijil melainkan yang dengan ini diubah secara khusus hendaklah dikenakan seolah-olah syarat tersebut telah dimasukkan di dalam ini.

FC819.01 SYARAT-SYARAT KHAS BAGI SIJIL PERAKUAN

1. Sebagai pertimbangan bagi caruman di bawah Sijil ini yang dengan syarat bahawa ia dikira berdasarkan 100% daripada jumlah dilindungi di dalam ini dan tertakluk kepada pelarasan pada tamat setiap tempoh takaful:- Peserta bersetuju untuk membuat perakuan kepada Pengendali Takaful secara bertulis tentang nilai stoknya, ditolak sebarang jumlah yang dilindungi oleh Sijil selain daripada Sijil Perakuan, atas dasar berikut, iaitu nilai risiko paling tinggi pada bulan berkenaan dan membuat perakuan tersebut dalam masa tiga puluh hari dari akhir setiap tahun kalender, dan perakuan tersebut ditandatangani oleh Peserta atau oleh seseorang yang bertanggungjawab untuk menandatangani bagi pihaknya. Jika terdapat Sijil lain yang dibuat atas dasar perakuan yang melindungi stok yang dilindungi di dalam ini, perakuan yang dibuat hendaklah membahagikan kepada setiap Sijil sebahagian daripada nilai stok yang dilindungi di bawah Sijil Perakuan, secara pro rata kepada jumlah berkenaan yang dinamakan di dalam Sijil. Sekiranya perakuan tidak dibuat dalam masa tiga puluh hari seperti yang dinyatakan di atas, maka Peserta hendaklah dianggap telah memperakui jumlah yang dilindungi sebagai nilai risiko. Apabila loputnya setiap tempoh takaful, caruman akan dikira pada kadar yang dikenakan ke atas jumlah purata dilindungi, iaitu jumlah nilai yang diperakui atau dianggap telah diperakui mengikut bilangan perakuan yang sepatutnya dibuat. Sekiranya caruman yang diterima lebih besar daripada caruman awal, Peserta perlu membayar perbezaannya, jika kurang, perbezaan akan dikembalikan kepada Peserta tetapi pulangan tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada caruman awal.
2. Asas nilai bagi perakuan ialah nilai pasaran dan sebarang kerugian di bawahnya hendaklah dijelaskan atas dasar nilai pasaran sejurus selepas kerugian tersebut.
3. Jika pada masa kerugian, terdapat takaful lain sedia ada yang diambil atas dasar selain daripada dasar perakuan, sama ada diambil oleh Peserta atau mana-mana orang lain yang melindungi stok yang dengan ini dilindungi, Sijil ini hanya diguna pakai bagi lebihan nilai stok tersebut pada masa kerugian berbanding jumlah dilindungi oleh takaful tersebut, dan Pengendali Takaful ini tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada bahagian kerugian tersebut, yang mana lebihan tersebut (atau, jika terdapat takaful perakuan lain yang melindungi stok yang sama, bahagian sekadar lebihan tersebut) tetapi tidak melebihi jumlah dilindungi di dalam ini, berbanding jumlah nilai stok tersebut.

4. Jika selepas berlaku kerugian didapati bahawa jumlah perakuan terakhir sebelum kerugian adalah kurang daripada jumlah yang sepatutnya diperakui, maka jumlah yang boleh diperolehi semula oleh Peserta hendaklah dikurangkan pada nisbah jumlah perakuan terakhir tersebut berbanding jumlah yang sepatutnya diperakui.
5. Sekiranya kerugian berlaku, Peserta berjanji untuk membuat caruman tambahan bagi sebarang jumlah kerugian secara prorata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat tempoh takaful, dengan caruman dikira pada kadar yang dikenakan ke atas stok yang musnah dan caruman tambahan tersebut tidak akan diambil kira, dan berbeza daripada caruman pelarasan akhir.
6. Sekiranya Sijil ini dibatalkan oleh Peserta semasa ia berkuat kuasa (sama ada stok wujud atau tidak) caruman yang disimpan oleh Pengendali Takaful adalah caruman tempoh jangka pendek sewajarnya atas jumlah purata yang dilindungi sehingga tarikh pembatalan, atau 50% daripada caruman sementara, yang mana lebih besar; tetapi jika Sijil dibatalkan oleh Peserta setelah berlaku kerugian, caruman yang akan disimpan oleh Pengendali Takaful ialah bahagian pro rata caruman yang dikira atas jumlah purata yang dilindungi sehingga pembatalan serta bahagian prorata caruman dari tarikh kerugian ke tempoh loput takaful atas jumlah kerugian yang dibayar, atau 50% daripada caruman sementara, yang mana lebih besar.
7. Dengan ini dijamin bahawa setiap Sijil lain atas dasar perakuan yang melindungi stok yang berkenaan dengan ini akan mempunyai perkataan yang sama dengan Sijil ini.
8. Takaful ini tertakluk dalam segala hal kepada syarat-syarat bercetak Sijil melainkan setakat yang diubah oleh Syarat-Syarat Khas ini.

FC820 FASAL SIMPANAN SEMENTARA

Harta benda (kecuali bangunan) yang dilindungi di bawah Sijil ini adalah dilindungi apabila disimpan buat sementara di mana-mana tempat di Malaysia, Brunei Darussalam dan Republik Singapura DENGAN SYARAT bahawa:

- (a) tempoh simpanan sementara tidak harus melebihi enam puluh (60) hari.
- (b) liabiliti Pengendali Takaful terhad kepada 10% daripada jumlah dilindungi keseluruhan atau RM500,000 yang mana lebih rendah untuk harta benda yang dilindungi di bawah fasal ini.
- (c) Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda semasa dalam transit (termasuk proses memuat dan memunggah yang berkaitan dengan transit tersebut).
- (d) takaful ini tidak diguna pakai bagi harta benda selagi ia dilindungi selainnya dan tidak diguna pakai bagi kenderaan motor dan casis motor yang dileSENKEN untuk kegunaan jalan raya atau digunakan di atas jalan raya seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (termasuk aksesori padanya).

FC821 PENGENDORSAN PAJAKAN

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, pemberi pajak (seterusnya dirujuk sebagai pemberi pajak) ialah pemilik harta benda yang dilindungi mengikut item seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dan harta benda tersebut adalah tertakluk kepada Perjanjian Pajakan yang dibuat antara pemberi pajak di satu pihak dan orang dilindungi di pihak lain dan dengan ini difahamkan dan dipersetujui selanjutnya bahawa pemberi pajak mempunyai kepentingan dalam sebarang wang yang, jika tanpa pengendorsan ini, perlu dibayar kepada orang dilindungi di bawah sijil berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada harta benda (yang mana kerugian atau kerosakan tersebut tidak boleh dipulihkan menerusi pembaikan, baik pulih atau penggantian di bawah terma Sijil ini) dan wang tersebut hendaklah dibayar kepada pemberi pajak selagi mereka adalah pemilik harta benda dan penerimaan oleh mereka merupakan pelepasan penuh dan muktamad bagi Pengendali Takaful berhubung dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Melainkan dipersetujui secara khusus di bawah pengendorsan ini, tiada apa di dalam ini akan mengubah atau menjelaskan hak dan liabiliti orang dilindungi atau Pengendali Takaful masing-masing di bawah atau berhubung dengan Sijil ini.

Fasal Tiada Pembatalan

Dan dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa Sijil ini tidak boleh dibatalkan oleh orang dilindungi melainkan dengan memaklumkan kepada Pemberi Pajak secara bertulis menerusi notis empat belas (14) hari ke alamat terakhir Pemberi Pajak yang diketahui.

FC822 PENGENDORSAN KEROSAKAN AKIBAT ASAP

Walau apa pun yang terkandung di dalam Sijil ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sebagai pertimbangan kepada caruman tambahan, takaful di bawah item yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil hendaklah dilanjutkan untuk meliputi:-

Kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi (akibat kebakaran atau selainnya) yang disebabkan secara langsung oleh asap akibat kerosakan operasi yang berlaku secara tiba-tiba dan luar biasa kepada unit pemanasan atau memasak, hanya apabila unit tersebut dihubungkan kepada corong menerusi paip ekzos atau paip lohong, dan semasa di dalam atau di atas premis yang dinyatakan tetapi bukan asap dari perdiangan atau kelengkapan perindustrian.

Berhubung dengan kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh bahaya yang dilindungi terhadapnya, Pengendali Takaful tidak menanggung liabiliti bagi RM50,000 pertama setiap dan satu kerugian yang ditentukan selepas menggunakan pakai mana-mana syarat purata.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil (melainkan dengan ini diubah secara khusus) hendaklah dikenakan seolah-olah telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan sebarang kemusnahan atau kerosakan di atas hendaklah dianggap kemusnahan atau kerosakan menerusi kebakaran.

FC823 FASAL JENAMA, LABEL DAN TANDA DAGANG

Dalam kes kerosakan kepada harta benda dengan jenama, label atau tanda dagang, dengan jualan dalam sebarang cara mempunyai jaminan Peserta, nilai salvaj harta benda rosak tersebut akan ditentukan selepas pengeluaran dengan cara lazim semua jenama, label dan tanda dagang yang mungkin dianggap sebagai jaminan oleh pengeluar atau Peserta yang diikatkan dengan harta benda tersebut.

FC824 PENGENDORSAN BARANGAN DAN STOK YANG MELALUI SEBARANG PROSES PEMANASAN ATAU PENGERINGAN

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya yang terkandung dalam Syarat 5(i) (b) Sijil, dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa takaful di bawah item yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil ini hendaklah dilanjutkan untuk termasuk kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang disebabkan oleh harta benda menjalani sebarang proses pemanasan atau pengeringan, dengan syarat kerugian atau kerosakan akibat asap, wasap, penghangusan, perentungan, tindak balas kimia, perubahan keadaan atau kandungan asal atau penyawarnaan harta benda adalah dikecualikan.

FC825(i) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR - (BANGUNAN)

FC825(ii) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR - (KANDUNGAN)

FC825D(i) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN PENGECAULIAN (d) DAN (e) DI BAWAH PENGENDORSANINI (BANGUNAN)

FC825D(ii) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN PENGECAULIAN (d) DAN (e) DI BAWAH PENGENDORSANINI (KANDUNGAN)

FC825A PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN SYARAT-SYARAT KHAS (1) DI BAWAH PENGENDORSANINI (BANGUNAN DAN/ATAU KANDUNGAN)

- FC825b(i) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN SYARAT-SYARAT KHAS (1) DI BAWAH PENGENDORSAN (BANGUNAN)**
- FC825b(ii) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN SYARAT-SYARAT KHAS (1) DI BAWAH PENGENDORSAN (KANDUNGAN) BAGI BANGUNAN YANG DIHUNI PENYEWA SAHAJA**
- FC825Db(i) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN PENGECUALIAN (d) DAN (e) DAN SYARAT-SYARAT KHAS (1) DI BAWAH PENGENDORSAN (BANGUNAN)**
- FC825Db(ii) PENGENDORSAN KEBOCORAN PEMERCIK AIR – PEMOTONGAN PENGECUALIAN (d) DAN (e) DAN SYARAT-SYARAT KHAS (1) DI BAWAH PENGENDORSAN (KANDUNGAN) INI BAGI BANGUNAN DIHUNI PENYEWA SAHAJA.**

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa takaful di bawah Sijil ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang disebabkan secara langsung oleh air atau agen pemadam kebakaran lain yang dikeluarkan secara tidak sengaja atau bocor daripada pemasangan pemercik air automatik dan/atau pencurah dan/atau pemasangan atau kelengkapan mengekang atau memadamkan kebakaran.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa takaful di bawah pengendorsan ini dan Sijil adalah tertakluk selainnya kepada semua terma, had, penetapan, pengecualian, peruntukan dan kekecualian yang dicetak atau dinyatakan dalam, diendors pada atau dilampirkan kepada Sijil dan tanpa dalam apa jua cara mengehadkan sifat am perkara yang disebut di atas, liabiliti Pengendali Takaful dalam sebarang kes di bawah pengendorsan ini tidak boleh melebihi, bagi setiap item, jumlah yang dinyatakan di dalam jadual atau seluruh jumlah yang dilindungi.

Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau kesan daripada:

- (a) letupan, pengeboman bangunan atau pembagasan.
- (b) perintah mana-mana pihak berkuasa.
- (c) haba yang disebabkan oleh kebakaran.
- (d) pemberaan atau pengubahsuaian kepada bangunan atau premis.
- (e) pemasangan pemercik air automatik yang telah dibaiki, dibuang atau dilanjutkan.

Tiada liabiliti akan ditanggung jika bangunan yang dilindungi atau yang mengandungi harta benda dilindungi jika bangunan tidak dihuni dan kekal sedemikian untuk tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari melainkan Peserta mendapatkan kebenaran daripada Pengendali Takaful yang diturunkan menerusi pengendorsan ke atas Sijil.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Peserta hendaklah pada setiap masa sepanjang tempoh Sijil ini mengambil segala langkah yang wajar untuk mengekalkan pemasangan Pemercik Air Automatik dalam keadaan baik, termasuk isyarat Penggera Automatik.
2. Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku setelah notis diberikan kepada Peserta oleh Pengendali Takaful bahawa Pemasangan Pemercik Air boleh menyebabkan kemalangan kerana kecacatan pembuatan atau keadaan atau jika Peserta sendiri sedar akan kecacatan pembuatan atau keadaan tersebut.

FC826 PENGENDORSAN SEWA BELI

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa pihak yang dinyatakan di dalam Jadual (seterusnya dirujuk sebagai Pemilik) ialah pemilik harta benda yang dilindungi mengikut item seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dan harta benda tersebut tertakluk kepada Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik di satu pihak dan Peserta di pihak lain. Dengan ini difahamkan dan dipersetujui selanjutnya bahawa sebarang pembayaran yang dibuat bagi kerugian atau kerosakan (yang kerugian dan kerosakan tersebut tidak dipulihkan oleh pemberaan, baik pulih atau penggantian) di bawah terma Sijil ini hendaklah dibuat kepada Pemilik selagi mereka adalah pemilik harta benda dan penerimaan oleh mereka ialah pelepasan penuh dan muktamad kepada Pengendali Takaful berhubung dengan kerugian atau kerosakan tersebut.

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian Sewa Beli yang menyatakan sebaliknya, Sijil ini dikeluarkan kepada Peserta iaitu: seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tiada apa di dalam ini hendaklah dianggap sebagai mewakili Peserta, ejen, atau pemegang amanah bagi pemilik atau sebagai penyerahan hak (sama ada di bawah undang-undang atau secara saksama) oleh Peserta kepada Pemilik terhadap hak, manfaat dan tuntutannya di bawah Sijil ini.

Fasal Tiada Pembatalan

Dan dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa Sijil ini tidak boleh dibatalkan oleh orang dilindungi melainkan dengan memaklumkan kepada Pemilik secara bertulis menerusi notis empat belas (14) hari ke alamat terakhir Pemilik yang diketahui.

FC827 FASAL PENGELOUARAN DALAMAN

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pengeluaran harta benda dari satu bangunan ke bangunan lain bagi mana-mana situasi yang dinyatakan di atas dan secara tidak sengaja tidak dimaklumkan kepada Pengendali Takaful, maka takaful ke atas harta benda tersebut hendaklah menyusuli pengeluaran, dengan pelarasan wajar dalam jumlah dilindungi dan caruman akan dibuat dari tarikh pengeluaran sebaik kealpaan disedari.

FC828 FASAL BANGUNAN LUAR

Takaful bagi setiap item di bawah Bangunan difahamkan termasuk dinding, pintu pagar dan pagar, bangunan kecil luar, lanjutan, sambungan, tangga luar, pemasangan bahan api, rangka kerja keluli atau besi dan tangki di dalam premis tersebut dan Takaful di bawah setiap item di bawah Kandungan dilanjutkan untuk termasuk kandungan setiap bangunan luar.

FC829 FASAL PENTAKSIRAN

Jika tuntutan keseluruhan bagi mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000 atau 5% daripada jumlah dilindungi yang mana lebih rendah berdasarkan item yang terbabit, tiada inventori atau pentaksiran khas bagi harta benda yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih bangunan dimasukkan dalam satu item tunggal, peruntukan ini diguna pakai bagi rangkaian bangunan dan/atau kandungan mengikut item yang terbabit.

FC830 FASAL MUATAN KENDERAAN

Sekiranya mana-mana kenderaan Peserta ditinggalkan dengan muatan pada waktu malam semasa berada di atau di dalam premis yang dinyatakan dalam spesifikasi bersama ini, Pengendali Takaful akan membayar ganti rugi kepada Peserta berhubung dengan muatan tersebut sekiranya kerugian atau kerosakan disebabkan oleh mana-mana bahaya yang dilindungi di bawah Sijil ini.

FC831 FASAL PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBAIKAN

Walaupun dengan syarat 6(a), pekerja dibenarkan berada di atas atau di sekitar harta benda Peserta untuk menjalankan pengubahsuaian dan pembaikan dengan syarat dagangan, pembuatan, ciri pekerjaan dan/atau binaan bangunan tetap tidak berubah.

FC835 FASAL PASANGAN DAN SET

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang terkandung di dalam Sijil ini yang menyatakan sebaliknya, apabila mana-mana item dilindungi terdiri daripada barang dalam pasangan atau set, Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai sekadar mana-mana bahagian yang mungkin hilang, tanpa merujuk kepada sebarang nilai khas barang tersebut sebagai pasangan atau set.

Tertakluk selainnya kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil.

FC838 FASAL PENYEWA (BERASASKAN KEPENTINGAN PEMILIK)

Dengan ini dipersetujui bahawa takaful ini, setakat kepentingan Peserta apabila harta benda dilindungi digunakan atau diduduki oleh penyewa Peserta, tidak akan dibatalkan oleh sebarang perubahan penghunian atau peningkatan risiko yang berlaku pada harta benda dilindungi tanpa pengetahuan Peserta dengan syarat Peserta hendaklah, apabila mengetahui tentang perkara tersebut, serta-merta memberikan notis tentangnya kepada Pengendali Takaful dan membuat caruman tambahan (jika ada) yang mungkin diperlukan oleh Pengendali Takaful dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil.

FC840 FASAL PERLINDUNGAN PEGANGAN AUTOMATIK (HARTA BENDA DI LOKASI BAHARU)

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa sebarang harta benda tambahan yang terletak di lokasi di dalam Malaysia yang tidak dilindungi oleh Sijil ini yang dibeli oleh Peserta dalam tempoh Sijil ini akan secara automatik dilindungi sehingga 10% daripada had Sijil atau RM1 sejuta, yang mana lebih rendah, dengan syarat Peserta hendaklah memaklumkan kepada Pengendali Takaful dalam masa 30 hari dari tarikh sebarang pembelian mana-mana harta benda tersebut dan membuat caruman tambahan dari tarikh kuat kuasa pembelian.

Tertakluk selainnya kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil ini.

FC847.01 FASAL SIJIL TIDAK DINILAI

Sijil ini ialah sijil yang tidak dinilai. Peserta bertanggungjawab untuk membuktikan nilai sebenar Harta Benda yang dilindungi pada masa berlaku kemasuhan atau jumlah sebenar kerosakan tersebut.

FCM809A SEWA (BAGI PEMILIK YANG TIDAK MENDUDUKI PREMIS)

Ke atas jumlah sewa dilindungi seperti yang dinyatakan dalam jadual sijil.

Takaful atas Sewa ini dikenakan hanya jika (mana-mana) bangunan yang dinyatakan atau mana-mana bahagiannya tidak sesuai untuk diduduki disebabkan kebakaran atau sebarang bahaya lain yang dilindungi terhadapnya dan jumlah perlu dibayar hendaklah tidak melebihi bahagian sekadar jumlah dilindungi atas Sewa sebagai tempoh yang diperlukan bagi baik pulih atau pemberian tambahan berbanding jumlah bilangan bulan Sewa yang dilindungi.

FP501 PENGENDORSAN KEROSAKAN AKIBAT PESAWAT

Sebagai pertimbangan bagi Caruman Tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini, tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang terkandung seterusnya di dalam ini, dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan (disebabkan oleh kebakaran atau selainnya) kepada harta benda yang dilindungi yang secara langsung disebabkan oleh pesawat dan peranti udara lain dan/atau barang yang terjatuh daripadanya.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil hendaklah dikenakan seolah-olah telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan tersebut sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan di atas adalah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan akibat kebakaran.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Liabiliti Pengendali Takaful dalam apa juu keadaan di bawah Pengendorsan dan Sijil ini adalah tidak melebihi jumlah yang dilindungi untuk setiap item di dalam Sijil.
2. Takaful ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana pesawat yang mendapat kebenaran untuk mendarat daripada Peserta.

Tertakluk selainnya kepada Terma dan Syarat Sijil ini.

FP502 PENGENDORSAN GEMPA BUMI DAN LETUSAN GUNUNG BERAPI

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful bersetuju bahawa walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Syarat No. 6 Sijil, Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh kebakaran atau selainnya, berlaku kerana atau menerusi atau akibat daripada gempa bumi dan letusan gunung berapi.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil ini hendaklah dikenakan (melainkan dengan ini diubah secara khusus) dan bahawa sebarang rujukan kepada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran adalah dianggap juga diguna pakai bagi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang dilindungi menerusi lanjutan Takaful di bawah Pengendorsan ini.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP503 PENGENDORSAN RIBUT, BADAI

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful bersetuju bahawa walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Syarat No. 6 Sijil, Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh kebakaran atau selainnya, berlaku kerana atau menerusi atau akibat daripada Hurikan, Siklon, Taufan dan Ribut Angin, tertakluk kepada Fasal Lebih berikut dan Syarat-Syarat Khas yang dilampirkan bersama ini.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil ini hendaklah dikenakan (melainkan dengan ini diubah secara khusus) dan bahawa sebarang rujukan kepada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran adalah dianggap juga diguna pakai bagi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang dilindungi menerusi lanjutan Takaful di bawah Pengendorsan ini.

Fasal Lebihan

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dengan ini dilindungi, yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang sebelum ini dinyatakan berkuat kuasa di bawah Fasal ini, liabiliti Pengendali Takaful adalah terhad kepada bahagian sekadar jumlah kerugian atau kerosakan tersebut melebihi sama ada:

- a) 1% daripada jumlah yang dilindungi terhadap bahaya sedemikian bagi harta benda tersebut oleh Sijil atas nama Peserta, atau
- b) RM200.00 yang mana lebih rendah, seperti yang ditentukan selepas melaksanakan sebarang syarat purata.

Dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa Fasal ini berkuat kuasa secara berasingan ke atas:

- i) setiap harta benda, dengan semua harta benda yang dilindungi di alamat yang sama akan dianggap sebagai satu harta benda,
- ii) setiap insiden yang menimbulkan kerugian atau kerosakan dan untuk tujuan ini sesuatu insiden tidak akan dianggap tamat sehingga bebas daripada bahaya berkenaan selama tujuh (7) hari berturut-turut dan Fasal ini akan berkuat kuasa semula hanya selepas tempoh itu.

SYARAT-SYARAT KHAS

- 1) Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh air atau hujan, sama ada dibawa oleh angin atau tidak, melainkan bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi terlebih dahulu mengalami kerosakan sebenar kepada bumbung atau dinding disebabkan daya kekuatan langsung yang sama daripada Hurikan, Siklon, Taufan dan Ribut Angin dan kemudianya bertanggungjawab hanya untuk kerosakan dalaman bangunan atau harta benda yang dilindungi di dalamnya kerana air atau hujan memasuki bangunan menerusi lubang pada bumbung atau dinding yang disebabkan secara langsung oleh daya kekuatan bahaya tersebut.
2. Pengendorsan ini tidak melanjutkan Takaful di bawah Sijil ini untuk meliputi:-
 - (a) Sebarang jenis kerugian turutan.
 - (b) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa angin atau tidak.
 - (c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali apabila ia disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi, dengan syarat bahaya tersebut dilindungi oleh Sijil ini.
 - (d) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan kecuali seperti yang dinyatakan dalam Pengecualian Khas 2(g) Sijil.
 - (e) Kerugian atas sebab mana-mana ordinan atau undang-undang yang mengawal selia pembinaan atau pemberian bangunan.
3. Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab di bawah lanjutan ini bagi kerugian atau kerosakan, yang pada masa berlaku kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi oleh atau akan dilindungi, tetapi kerana adanya lanjutan ini, oleh sebarang Sijil lain yang sedia ada kecuali berhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Sijil tersebut seandainya Takaful ini tidak berkuat kuasa.
4. Melainkan dilindungi secara khusus dan berasingan, pengendorsan ini tidak melindungi:
 - a) Cerobong asap logam, sengkuap, bidai, papan tanda atau lekapan luar lain dalam apa jua rupa bentuk.
 - b) Premis dalam pembinaan, pembinaan semula atau pemberian melainkan semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain telah siap dan dilindungi daripada hurikan, siklon, taufan dan ribut angin apabila bahaya tersebut dilindungi oleh Sijil ini.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP504 PENGENDORSAN BANJIR

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful bersetuju bahawa walau apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Syarat Am No. 6 Sijil, Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang secara langsung disebabkan oleh kebakaran atau selainnya, berlaku kerana atau menerusi atau akibat daripada Banjir (termasuk limpahan air laut) tertakluk kepada Fasal Lebihan berikut dan Syarat-Syarat Khas yang dilampirkan bersama ini.

Nota: Bagi tujuan perluasan takaful ini, banjir hendaklah bermaksud limpahan atau lencongan air dari saluran biasanya samada laluan air semulajadi atau buatan, pecahan atau limpahan dari paip air utama awam dan lain-lain aliran atau takungan air yang berasal dari luar bangunan yang dilindungan atau yang mengandungi harta yang dilindungan tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan atau gelinciran tanah.

Dengan syarat bahawa semua Syarat Sijil ini hendaklah diguna pakai (kecuali setakat mana ianya secara jelas berbeza) dan mana-mana rujukan di sini tentang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran hendaklah juga diguna pakai terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh mana-mana peril yang takaful ini diperluaskan menurut pengendorsan ini.

Fasal Lebihan

Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa berhubung dengan kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dengan ini dilindungi, yang secara langsung disebabkan oleh sebarang bahaya yang sebelum ini dinyatakan berkuat kuasa di bawah Fasal ini, liabiliti Pengendali Takaful adalah terhad kepada bahagian sekadar jumlah kerugian atau kerosakan tersebut melebihi sama ada:

- a) 1% daripada jumlah yang dilindungi terhadap bahaya sedemikian bagi harta benda tersebut oleh Sijil atas nama Peserta, atau
- b) RM2,500 pertama daripada setiap satu kerugian,
yang mana lebih rendah, seperti yang ditentukan selepas menggunakan pakai sebarang syarat purata.

Dengan ini dipersetujui selanjutnya bahawa Fasal ini berkuat kuasa secara berasingan ke atas:

- (i) setiap harta benda, yang mana semua harta benda yang dilindungi di alamat yang sama akan dianggap sebagai satu harta benda,
- (ii) dan setiap insiden yang menimbulkan kerugian atau kerosakan dan untuk tujuan ini sesuatu insiden tidak akan dianggap tamat sehingga bebas daripada bahaya berkenaan selama tujuh (7) hari berturut-turut dan Fasal ini akan berkuat kuasa semula hanya selepas tempoh itu.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Pengendorsan ini tidak melanjutkan Takaful di bawah Sijil ini untuk meliputi:
 - a) Sebarang jenis kerugian turutan.
 - b) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hujan batu sama ada dibawa angin atau tidak.

- c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali apabila ia disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi, dengan syarat bahaya tersebut dilindungi oleh Sijil ini.
 - d) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letusan kecuali seperti yang dinyatakan dalam Syarat 8(h) Sijil.
 - e) Kerugian atas sebab mana-mana ordinan atau undang-undang yang mengawal selia pembinaan atau pembaikan bangunan.
2. Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab di bawah lanjutan ini bagi kerugian atau kerosakan, yang pada masa berlaku kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi oleh atau akan dilindungi, tetapi kerana adanya lanjutan ini, oleh sebarang Sijil lain yang sedia ada kecualiberhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Sijil tersebut seandainya Takaful ini belum berkuat kuasa.
3. Melainkan dilindungi secara khusus dan berasingan, pengendorsan ini tidak melindungi cerobong asap logam, sengkuap, bidai, papan tanda atau lekapan luar lain dalam apa jua rupa bentuk.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP505A PENGENDORSAN LETUPAN – PERINDUSTRIAN TANPA DANDANG

FP505B PENGENDORSAN LETUPAN – PERINDUSTRIAN DENGAN DANDANG

FP505C PENGENDORSAN LETUPAN – BUKAN PERINDUSTRIAN DENGAN DANDANG

FP505D PENGENDORSAN LETUPAN – BUKAN PERINDUSTRIAN TANPA DANDANG

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini, tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung seterusnya, dilanjutkan untuk meliputi:

Kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi akibat kebakaran atau selainnya yang disebabkan secara langsung oleh letusan, tetapi mengecualikan kerugian atau kerosakan kepada dandang, alat penjimatan, atau bekas, jentera atau perkakas lain yang menggunakan tekanan atau kandungannya akibat daripada letusan.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua Syarat Sijil (melainkan Syarat No. 8 (h) yang dengan ini diubah secara khusus) hendaklah diguna pakai seolah-olah syarat telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letusan adalah dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dalam erti kata Sijil ini.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab, di bawah lanjutan ini, untuk kerugian dan kerosakan disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang tindakan keganasan.
Untuk tujuan Syarat ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman melakukannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi, yang dilakukan untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi atau tujuan sama dengan matlamat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan dalam kalangan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.
Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding di mana Pengendali Takaful mendakwa bahawa disebabkan peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh takaful ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian adalah dilindungi terletak pada Peserta.
2. Jika terdapat sebarang Takaful kebakaran lain yang melindungi harta benda yang dilindungi di bawah Sijil ini, Pengendali Takaful hanya bertanggungjawab secara prorata dengan takaful kebakaran lain terhadap sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letusan sama ada takaful atau takaful kebakaran lain tersebut dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan akibat letusan atau tidak.
3. Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab di bawah lanjutan ini bagi kerugian atau kerosakan, yang pada masa berlaku kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi oleh atau akan dilindungi, tetapi kerana adanya lanjutan ini, oleh sebarang Sijil lain yang sedia ada kecuali berhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi jumlah sepatutnya dibayar di bawah setiap Sijil tersebut seandainya Takaful ini belum berkuat kuasa.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP506A PENGENDORSAN KEROSAKAN AKIBAT IMPAK HENTAMAN – KECUALI KENDERAAN PESERTA SENDIRI

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dinyatakan di dalam Jadual dan / atau kepada dinding, pintu pagar dan pagar dan yang secara langsung adalah akibat impak hentaman oleh mana-mana kenderaan jalan raya, jentera angkut, kenderaan pacuan mekanikal atau elektrikal lain (selain kenderaan yang dipegang sebagai stok) lokomotif kereta api dan/atau stok bergerak dan haiwan kepunyaan atau di bawah kawalan Peserta, atau mana-mana ahli keluarga Peserta, atau sesiapa yang berkhidmat dengan dan untuk Peserta, dengan syarat RM50.00 pertama daripada setiap satu tuntutan di bawah pengendorsan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta, seperti yang ditentukan selepas mengguna pakai sebarang syarat purata.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil hendaklah diguna pakai seolah-olah telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan adalah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP506B PENGENDORSAN KEROSAKAN AKIBAT IMPAK HENTAMAN – TERMASUK KENDERAAN PESERTA SENDIRI

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dinyatakan di dalam Jadual dan / atau kepada dinding, pintu pagar dan pagar dan yang secara langsung adalah akibat impak hentaman oleh mana-mana kenderaan jalan raya, jentera angkut, kenderaan pacuan mekanikal atau elektrikal lain (selain kenderaan yang dipegang sebagai stok) lokomotif kereta api dan/atau stok bergerak dan haiwan kepunyaan atau di bawah kawalan Peserta, atau mana-mana ahli keluarga Peserta, atau sesiapa yang berkhidmat dengan dan untuk Peserta, dengan syarat RM250.00 pertama daripada setiap satu tuntutan di bawah pengendorsan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta, seperti yang ditentukan selepas mengguna pakai sebarang syarat purata.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil hendaklah diguna pakai seolah-olah telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan adalah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP507A PENGENDORSAN PERKAKAS TANGKI ATAU PAIP AIR PECAH DAN MELIMPAH – BANGUNAN LEBIH LIMA (5) TINGKAT (TERMASUK MEZANIN)

FP507B PENGENDORSAN PERKAKAS TANGKI ATAU PAIP AIR PECAH DAN MELIMPAH – LAIN-LAIN

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini akan dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi yang disebabkan oleh perkakas tangki atau paip air pecah dan melimpah di dalam atau di atas bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi, kecuali:-

- (a) kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa premis tidak dihuni,
- (b) kerugian atau kerosakan disebabkan pengaliran air atau kebocoran daripada pemasangan pemercik air automatik,
- (c) RM1,000.00** pertama daripada setiap satu kerugian di setiap premis berasingan, seperti yang ditentukan selepas mengguna pakai sebarang purata, atau bahagian sekadar Pengendali Takaful bagi jumlah tersebut.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil (melainkan syarat dengan ini diubah secara khusus) hendaklah dikenakan seolah-olah syarat telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan adalah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Liabiliti Pengendali Takaful dalam apa jua keadaan di bawah Pengendorsan dan Sijil ini adalah tidak melebihi jumlah yang dilindungi untuk setiap item di dalam Sijil.
2. Takaful ini tidak melindungi kehilangan pendapatan, kerugian disebabkan kelewatan, kehilangan pasaran atau kerugian turutan lain atau kerugian tidak langsung atau apa jua jenis atau bentuk kerosakan kecuali kehilangan sewa apabila kerugian sedemikian dimasukkan ke dalam perlindungan di bawah Sijil.
3. Peserta hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menjaga dan mengekalkan premis dalam keadaan yang baik, jika didapati kerosakan di dalamnya maka kerosakan itu hendaklah diperbaiki dengan secepat mungkin dan pada masa yang sama langkah tambahan hendaklah diambil untuk mencegah kerugian atau kerosakan mengikut keadaan dan Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kerosakan yang tidak dibaiki Peserta selepas menerima notis kerosakan tersebut sama ada daripada Peserta atau sesiapa atau mana-mana badan awam.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP508A.01 FASAL PEMASANGAN ELEKTRIK (A) (Diguna pakai bagi Jentera, Kilang dan Pemasangan Elektrik dalam Risiko Pembuatan dan Bengkel)

Pengendali Takaful ini diperakui secara khusus sebagai bebas daripada liabiliti bagi kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana jentera, peralatan elektrik atau mana-mana bahagian pemasangan elektrik yang timbul daripada atau berlaku kerana aliran berlebihan, tekanan berlebihan, litar pintas, pemanasan sendiri, pengarkaan atau kebocoran bekalan elektrik yang timbul daripada sebarang punca (termasuk petir).

Dengan syarat bahawa pengecualian ini hanya diguna pakai bagi jentera, peralatan atau bahagian pemasangan elektrik khusus yang terbabit, dan bukan kepada jentera, peralatan atau pepasangan elektrik lain yang musnah atau rosak akibat kebakaran yang berlaku kerana jentera, peralatan atau pemasangan elektrik lain tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP508B FASAL PEMASANGAN ELEKTRIK (B)

Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran kepada perkakas dan pemasangan elektrik yang dilindungi oleh Sijil ini yang timbul daripada atau disebabkan oleh aliran berlebihan, tekanan berlebihan, litar pintas, pengarkaan, pemanasan sendiri atau kebocoran bekalan elektrik, walaupun apa pun puncanya (termasuk petir) adalah dilindungi tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini, tetapi difahamkan secara khusus bahawa tiada liabiliti di bawah Sijil ini bagi kerugian atau kerosakan kepada mana-mana jentera, perkakas, kelengkapan atau lekapan elektrik, atau kepada mana-mana bahagian peralatan elektrik, melainkan disebabkan oleh kebakaran atau petir.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP509 PENGENDORSAN KEBAKARAN BELUKAR/LALANG

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan yang dibuat oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, walaupun apa pun yang menyatakan sebaliknya dalam Syarat 8 (i) Sijil, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Takaful ini dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran belukar/lalang (dengan syarat bahawa dalam tempoh Sijil ini, segala usaha yang sewajarnya telah dibuat untuk memastikan kawasan Peserta bebas daripada lalang dan belukar).

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP510 PENGENDORSAN PENENGGELEMAMAN DAN GELINCIRAN TANAH – PERLINDUNGAN STANDARD

FP510D PENGENDORSAN PENENGGELEMAMAN DAN GELINCIRAN TANAH - PEMOTONGAN PENGECAULIAN (A) DI BAWAH PERLINDUNGAN STANDARD

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui bahawa Takaful di bawah Sijil ini dilanjutkan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi disebabkan oleh penenggelaman dan/atau timbunan tanah di tapak bangunan atau tanah kepunyaannya, atau gelinciran tanah, kecuali:

- (a) kerugian atau kerosakan kepada kolam renang, teres, laman dalam, laluan masuk ke rumah, lorong jalan kaki, tembok, pintu pagar atau pagar melainkan bangunan, binaan luarnya atau garaj rosak akibat punca yang sama dan pada masa yang sama.
- (b) kerugian atau kerosakan kepada atau akibat daripada pergerakan bidur lantai konkrit melainkan asas di bawah dinding luar bangunan dirosakkan oleh punca yang sama dan pada masa yang sama.
- (c) kerugian atau kerosakan disebabkan oleh, menerusi, atau akibat daripada:
 - hakisan pantai atau sungai.
 - perobohan, pengubahan struktur atau pemberian struktur,
 - kecacatan reka bentuk atau asas binaan tidak kukuh.
- (d) bagi setiap satu kerugian, 5% daripada Jumlah Dilindungi atau RM25,000.00, yang mana lebih rendah, seperti yang ditentukan selepas mengguna pakai sebarang syarat purata.

Dengan syarat bahawa jumlah liabiliti Pengendali Takaful tidak melebihi Jumlah Dilindungi bagi setiap item harta benda ditolak jumlah dikecualikan di bawah (d) di atas.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil (melainkan syarat dengan ini diubah secara khusus) hendaklah diguna pakai seolah-olah syarat telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan ini sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP511A PENGENDORSAN PEMBAKARAN SPONTAN – AKIBAT KEBAKARAN SAHAJA

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, dengan ini dipersetujui dan diperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini hendaklah, tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang terkandung seterusnya di dalam ini, dilanjutkan untuk termasuk kerugian atau kerosakan kepada harta benda dilindungi akibat kebakaran hanya jika disebabkan oleh penapaian, pemanasan atau pembakaran sendiri.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil hendaklah dikenakan seolah-olah telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan mana-mana kerugian atau kerosakan yang dinyatakan akan dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Liabiliti Pengendali Takaful, hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah pengendorsan dan Sijil ini, tidak melebihi Jumlah Dilindungi bagi setiap item dalam Sijil.
2. Takaful ini tidak melindungi kehilangan pendapatan, kerugian disebabkan kelewatan, kehilangan pasaran atau kerugian turutan lain atau kerugian tidak langsung atau apa jua jenis atau bentuk kerosakan kecuali kehilangan sewa apabila kerugian sedemikian dimasukkan ke dalam perlindungan di bawah Sijil.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat sijil ini.

FP511B PENGENDORSAN PEMBAKARAN SPONTAN – PERLINDUNGAN PENUH

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful, dengan ini dipersetujui dan diperakui bahawa Takaful di bawah Sijil ini, tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang terkandung seterusnya di dalam ini, dilanjutkan untuk meliputi kerugian atau kerosakan kepada harta benda dilindungi yang disebabkan oleh penapaian, pemanasan atau pembakaran spontan sendiri.

Dengan syarat dalam segala hal bahawa semua syarat Sijil hendaklah dikenakan seolah-olah telah dimasukkan di dalam ini dan untuk tujuan sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan di atas, ia hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. Liabiliti Pengendali Takaful, hendaklah dalam apa jua keadaan di bawah pengendorsan dan Sijil ini, tidak melebihi Jumlah Dilindungi bagi setiap item dalam Sijil.
2. Takaful ini tidak melindungi kehilangan pendapatan, kerugian disebabkan kelewatan, kehilangan pasaran atau kerugian turutan lain atau kerugian tidak langsung atau apa jua jenis atau bentuk kerosakan kecuali kehilangan sewa apabila kerugian sedemikian dimasukkan ke dalam perlindungan di bawah Sijil.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat sijil ini.

FP512A KEROSAKAN AKIBAT RUSUHAN, MOGOK DAN PERBUATAN BERNIAT JAHAT – HARTANAH KEDIAMAN

FP512B KEROSAKAN AKIBAT RUSUHAN, MOGOK DAN PERBUATAN BERNIAT JAHAT – SELAIN HARTANAH KEDIAMAN

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Sijil ini dilanjutkan untuk melindungi Kerosakan Akibat Rusuhan dan Mogok yang mana untuk tujuan Pengendorsan ini hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat-Syarat Khas yang terkandung seterusnya di dalam ini):

Kerugian atau kerosakan kepada harta benda dilindungi, yang secara langsung disebabkan oleh:

1. Tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama orang lain dalam sebarang kekacauan yang mengganggu ketenteraman awam (sama ada mempunyai kaitan dengan mogok atau sekatan masuk atau tidak) yang bukan merupakan kejadian yang dinyatakan dalam Syarat Am No.4 dalam Syarat Khas tersebut.
2. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang untuk menamatkan atau cuba menamatkan sebarang kekacauan atau untuk mengurangkan kesan daripada kekacauan sedemikian.
3. Tindakan disengajakan oleh mana-mana pekerja yang mogok atau disekat masuk yang dilakukan untuk memperjuangkan mogok atau menentang sekatan masuk.
4. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang untuk mencegah atau untuk cuba mencegah sebarang tindakan sedemikian atau mengurangkan kesan daripada tindakan sedemikian.

Dengan ini diperakui selanjutnya bahawa walaupun apa pun yang terkandung di dalam Sijil bertulis yang menyatakan sebaliknya, perlindungan di bawah Sijil ini dilanjutkan untuk meliputi Kerosakan Akibat Perbuatan Berniat Jahat yang untuk tujuan lanjut ini bermakna:

Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi yang secara langsung disebabkan oleh perbuatan berniat jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan dalam kekacauan yang mengganggu ketenteraman awam atau tidak) yang bukan perbuatan bertujuan atau dilakukan kerana kaitan dengan kejadian yang dinyatakan Syarat Khas 6 Pengendorsan tetapi Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab di bawah lanjutan ini bagi sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau letupan atau sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada perbuatan merompak, memecah masuk rumah, mencuri atau menyamun atau sebarang percubaan untuk melakukannya atau disebabkan oleh mana-mana orang yang menyertainya.

SYARAT-SYARAT KHAS

Untuk tujuan Pengendorsan ini tetapi bukan untuk tujuan lain, Syarat bermobor berikut dalam Sijil hendaklah digantikan dengan yang berikut:

Syarat 5

Takaful ini tidak melindungi:

- a) Kehilangan pendapatan, kerugian disebabkan kelewatan, kehilangan pasaran atau kerugian turutan lain atau kerugian tidak langsung atau sebarang jenis atau bentuk kerosakan.
- b) Kerugian atau kerosakan akibat pemberhentian seluruh atau sebahagian kerja atau perencatan atau gangguan atau pemberhentian sebarang proses atau operasi.

- c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengambilalihan kekal atau sementara akibat rampasan, penyitaan atau tuntutan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- d) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pengambilalihan kekal atau sementara mana-mana bangunan akibat daripada pendudukan bangunan secara haram oleh mana-mana orang.

DENGAN SYARAT walau apa pun bahawa Pengendali Takaful tidak dilepaskan di bawah (c) atau (d) di atas daripada sebarang liabiliti terhadap Peserta bagi kerosakan fizikal kepada harta benda yang dilindungi yang berlaku sebelum pengambilalihan atau semasa pengambilalihan sementara.

Syarat 6

Takaful ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian berikut, khususnya:

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara.
- b) Dahagi, kekacauan awam yang meningkat ke tahap atau menjadi pemberontakan rakyat, pemberontakan tentera, kebangkitan, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
- c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermakna tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan serupa, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding di mana Pengendali Takaful mendakwa bahawa disebabkan peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian adalah dilindungi terletak pada Peserta.

Syarat 8

Melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Sijil, Takaful ini tidak melindungi:

- a) Barang yang dipegang atas amanah atau berasaskan komisen.
- b) Jongkong emas atau permata berharga belum berikat.
- c) Sebarang barang aneh atau hasil kerja seni bagi jumlah melebihi RM500.
- d) Manuscrip, pelan, lukisan, atau rekaan, corak, model atau acuan.
- e) Sebarang jenis sekuriti, tanggungan atau dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
- f) Bahan letupan.

Syarat 11

Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Pengendali Takaful dengan memberi notis yang membawa maksud tersebut kepada Peserta, oleh itu Pengendali Takaful bertanggungjawab untuk memulangkan bahagian sekadar caruman bagi tempoh belum luput dari tarikh pembatalan. Jika Takaful ditamatkan atas permintaan Peserta, Pengendali Takaful tidak menanggung liabiliti untuk memulangkan caruman atau mana-mana bahagian daripadanya melainkan setakat mana Takaful ini diguna pakai bagi stok dan Pengendali Takaful akan menyimpan caruman yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat lazim untuk tempoh masa Takaful tersebut telah berkuat kuasa.

Syarat 20

Jika nilai harta benda yang dengan ini dilindungi pada masa berlaku kebakaran atau pada permulaan sebarang kemusnahan atau kerosakan harta benda tersebut yang disebabkan oleh sebarang bahaya lain yang dilindungi oleh Pengendorsan ini secara terkumpul adalah lebih tinggi daripada jumlah yang dilindungi, maka Peserta hendaklah menanggung sendiri perbezaannya dan hendaklah menanggung bahagian sekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap item dalam Sijil, jika lebih daripada satu, adalah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.

DENGAN SYARAT bahawa dengan ini dipersetujui dan diperakui secara khusus bahawa:-

1. Semua syarat Sijil ini akan dikenakan dalam segala aspek Takaful yang diberikan di bawah lanjutan ini melainkan syarat tersebut diubah secara khusus oleh Syarat-Surat Khas di atas dan sebarang rujukan kepada kebakaran dalam Syarat Sijil hendaklah dianggap sebagai meliputi bahaya lain yang dilindungi; dan
2. Syarat Khas di dalam ini akan diguna pakai hanya bagi Takaful yang diberikan di bawah lanjutan ini dan Syarat Sijil akan dikenakan dalam semua aspek Takaful yang diberikan oleh Sijil seolah-olah Pengendorsan ini tidak dibuat kepadanya.

FP513 KEROSAKAN AKIBAT POKOK TUMBANG ATAU DAHAN DAN OBJEK JATUH DARIPADANYA

Sebagai pertimbangan bagi caruman tambahan, Pengendali Takaful dengan ini mempersetujui dan memperakui bahawa Takaful ini dilanjutkan untuk melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dinyatakan di dalam Jadual dan/atau kepada tembok, pintu pagar dan pagar dan yang berkaitan dengannya yang secara langsung adalah akibat daripada kerosakan disebabkan oleh pokok tumbang atau daham dan objek jatuh daripadanya, dengan syarat RM250.00 pertama daripada setiap satu tuntutan di bawah pengendorsan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta seperti yang ditentukan selepas menggunakan pakai sebarang syarat purata.

Dengan syarat bahawa semua Syarat Sijil hendaklah diguna pakai seolah-olah syarat dimasukkan di dalam ini, dan untuk tujuan ini, sebarang kerugian atau kerosakan seperti yang dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP514A FASAL INKUBATOR SIMPANAN DINGIN (A)

Sijil ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perubahan suhu akibat daripada kemusnahan keseluruhan atau sebahagian atau kerosakan loji pendinginan/loji inkubator akibat kebakaran atau bahaya lain yang dilindungi.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FP514B FASAL INKUBATOR SIMPANAN DINGIN (B)

Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya di dalam ini, Sijil ini melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perubahan suhu akibat daripada kemusnahan keseluruhan atau sebahagian atau kerosakan loji pendinginan/loji inkubator akibat kebakaran atau bahaya lain yang dilindungi.

Tertakluk selainnya kepada terma dan syarat Sijil ini.

FW701 WARANTI SEKATAN BARANG NIAGA

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tiada bahagian premis yang dinyatakan di dalam ini digunakan untuk pembuatan atau deposit atau simpanan barang niaga.

FW701A WARANTI SEKATAN BARANG NIAGA (Kelab / Sekolah / Pejabat)

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tiada bahagian premis yang dinyatakan di dalam ini digunakan untuk pembuatan atau deposit atau simpanan barang niaga kecuali yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti kelab, sekolah atau pejabat.

FW701B WARANTI SEKATAN BARANG NIAGA (Tidak melebihi 10% daripada jumlah ruang lantai)

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tidak lebih 10% daripada jumlah ruang lantai premis yang dinyatakan di dalam ini digunakan untuk pembuatan atau deposit atau simpanan barang niaga.

FW701C WARANTI SEKATAN BARANG NIAGA (Tidak melebihi 20% daripada jumlah ruang lantai)

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tidak lebih 20% daripada jumlah ruang lantai premis yang dinyatakan di dalam ini digunakan untuk pembuatan atau deposit atau simpanan barang niaga.

FW701D WARANTI SEKATAN BARANG NIAGA (Tidak melebihi 50% daripada jumlah ruang lantai)

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tidak lebih 50% daripada jumlah ruang lantai premis yang dinyatakan di dalam ini digunakan untuk pembuatan atau deposit atau simpanan barang niaga.

FW703A WARANTI SIMPANAN BARANGAN MERBAHAYA A

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa simpanan bahan berikut di dalam premis dibenarkan hanya kepada had kuantiti yang dinyatakan di bawah, iaitu:

- | | |
|---|---|
| (i) Semua cecair termasuk minyak kerosin dan diesel yang menghasilkan wasap mudah bakar dengan takat didih tidak kurang daripada 93°C (200F) | 3600 liter
(800 gelen) |
| (ii) Semua cecair termasuk petrol yang menghasilkan wasap mudah bakar dengan takat kilat di bawah 38°C (100F) | 900 liter
(200 gelen) |
| (iii) Mancis, karbaid, gas petroleum cecair (LPG)
Bahan pembakaran spontan seperti silana, sulfur dll,
dan bahan aktif seperti magnesium, natrium dll | 30 kg atau 4 bekas atau
karton, yang mana lebih tinggi |

FW703B WARANTI SIMPANAN BARANGAN MERBAHAYA B

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa simpanan barang dan kuantiti barang yang disimpan di dalam premis adalah menurut Ketetapan dan Undang-Undang Malaysia.

FW704A WARANTI SIMPANAN PETROL

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa simpanan petrol hendaklah dibuat menurut Ketetapan Kerajaan.

FW704B WARANTI SEKATAN CAT SEMBUR / SEMBURAN SERBUK

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tiada cat sembur / semburan serbuk atau sebarang proses berhubung dengannya akan dijalankan di premis yang dinyatakan di dalam ini.

FW704C WARANTI PROSES PERCETAKAN

Dalam tempoh Sijil ini, jaminan diberikan bahawa tiada percetakan atau sebarang proses berhubung dengannya akan dijalankan di premis yang dinyatakan di dalam ini.

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Untuk sebarang pertikaian anda boleh mendapatkan penimbangtaraan untuk kes anda. Anda boleh menghubungi :-

- i) **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.
Tel : 603-21096000
Fax : 603-21096888
Email: callcentre@zurich.com.my
Website: www.zurich.com.my
- ii) **Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)**
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Tel : 603-2272 2811 Fax : 603-2272 1577
Email : enquiry@ofs.org.my
Website : www.ofs.org.my
- iii) **Contact Centre (BNMLINK)**
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922,
50929 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
Email : bnmlink@bnm.gov.my
Website : www.bnm.gov.my

PENGENDORSAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA

PENTING

Peserta hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Peserta, Pengendali Takaful perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburuan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

